KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN OPERASI

SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia

# INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI

# IndeKA 2025

© Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2026

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) diperbadankan pada 1 Januari 2008 di bawah Akta 605. SKM ditubuhkan dengan visi utama, sebagai Peneraju Kecemerlangan Koperasi bagi menjadikannya Penyumbang Berkesan kepada Pembangunan Negara. Objektif penubuhan SKM adalah untuk merangsang pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh dan teratur menurut nilai-nilai serta prinsip-prinsip koperasi bagi menyumbang ke arah pencapaian objektif sosio-ekonomi negara; Mengalakkan sektor koperasi yang kukuh kewangannya, progresif dan mampan; dan; Mengekalkan keyakinan dalam gerakan koperasi.

Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
ISSN 2682-888X

**Diterbitkan oleh :**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Tel: 03-20834000
Faks: 03-20834100
E-Mel: webmaster@skm.gov.my

# Kandungan

IndeKA 2025


**Ringkasan** Eksekutif ..... 1

**Senarai** jadual dan Rajah ..... 5

**Latar** Belakang ..... 7

**Pengenalan** ..... 11

**Skor Keseluruhan** IndeKA 2025 ..... 21

**Metodologi** ..... 23

**Domain** Ekonomi Anggota ..... 33

**Domain** Keberkesanan Pengurusan ..... 41

**Domain** Pembangunan Kendiri ..... 49

**Domain** Kawalselia dan Tadbir Urus ..... 57

**Domain** Hubungan Sosial ..... 65

**Domain** Penggunaan Teknologi ..... 73

**Annexture** ..... 87

**Pasukan** Penyelidik ..... 139

# Kata Alu-Aluan

**Ketua Pegawai Eksekutif**
**Suruhanjaya Koperasi Malaysia**



**TUAN HAJI MOHD MARZUKI BIN YASOA'**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.
Salam Keluarga Koperasi Malaysia.

Alhamdulillah, Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi 2025 (IndeKA 2025) telah berjaya diterbitkan seperti yang dirancang sebagai kesinambungan panting daripada IndeKA 2018 dan IndeKA 2021. Penerbitan ini telah ditambah baik melalui 80 item penilaian serta sokongan dapatan kualitatif bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia.

Tahun 2025 merupakan tahun yang signifikan kepada gerakan koperasi negara dalam suasana ekonomi yang dinamik dan keperluan masyarakat yang semakin pelbagai. Dalam konteks ini, IndeKA 2025 hadir sebagai panduan panting untuk memastikan koperasi terus relevan, responsif dan berimpak dalam memperkukuh daya tahan ekonomi, menyusun kekuatan komuniti serta memperluas manfaat pembangunan kepada anggota.

Selaras dengan aspirasi Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030), sasaran skor IndeKA telah ditetapkan pada tahap 75.0 bagi tahun 2025 dan 80.0 menjelang tahun 2030. Sasaran ini menjadi penanda aras panting dalam menilai kemajuan kesejahteraan anggota koperasi serta keberkesanan pembangunan gerakan koperasi secara keseluruhan.

Dalam hubungan ini, pencapaian IndeKA menunjukkan trend peningkatan yang konsisten. Skor IndeKA meningkat daripada 69.1 pada tahun 2018 kepada 74.6 pada tahun 2021, sebelum terus meningkat kepada 79.6 pada tahun 2025. Pencapaian tahun 2025 bukan sahaja telah melepasi sasaran DaKoM 2030 bagi tahun 2025, iaitu skor 75, malah semakin menghampiri sasaran skor 80 yang ditetapkan bagi tahun 2030.

Pencapaian ini mencerminkan perkembangan positiftahap kesejahteraan anggota koperasi. Prestasi dalam aspek keberkesanan pengurusan, kawal selia dan tadbir urus serta hubungan sosial adalah amat memberangsangkan. Waiau bagaimanapun, impak ekonomi kepada anggota masih perlu terus diperkukuh bagi memastikan peningkatan kesejahteraan yang lebih menyeluruh dan seimbang.

Seiring dengan aspirasi DaKoM 2030, Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan terus menggunakan dapatan kajian ini sebagai asas pemetaan hala tuju, penambahbaikan dasar dan perancangan intervensi yang lebih bersasar. Semoga IndeKA 2025 menjadi rujukan utama kepada semua pemegang taruh serta pemangkin kepada gerakan koperasi yang lebih inklusif, progresif dan lestari.

Syabas, tahniah dan terima kasih kepada pasukan penyelidik IPSAS, Universiti Putra Malaysia, para pakar rujuk dan semua pihak yang
menyumbang kepada penghasilan laporan ini.
"Malaysia MADAN!"
"Koperasi Pemacu Ekonomi MADAN!"

HAJI MOHD MARZUKI BIN YASOA'

IndeKA
2025

# RINGKASAN EKSEKUTIF

**INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2025**

# Ringkasan Eksekutif

Dapatan IndeKA 2025 menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia berada pada tahap memuaskan dengan skor keseluruhan 79.6, mencerminkan peningkatan yang konsisten berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pencapaian ini didorong oleh kekuatan dalam domain hubungan sosial, pembangunan kendiri, tadbir urus dan keberkesanan pengurusan yang masing-masing telah melepasi paras skor 80.

Walau bagaimanapun, analisis yang lebih mendalam menunjukkan bahawa pencapaian ini tidak berlaku secara seimbang. **Domain Ekonomi Anggota kekal sebagai komponen paling rendah dengan skor 75.5**, menunjukkan bahawa manfaat ekonomi kepada anggota masih belum dimaksimumkan sepenuhnya berbanding kekuatan dalam domain lain.

**79.6**

**Skor IndeKA 2025**




**Rajah 1:** Skor Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi 2025

**75.5**
Ekonomi Anggota



**81.7**
Pembangunan Kendiri



**80.1**
Keberkesanan Pengurusan



**81.4**
Kawal Selia dan Tadbir Urus



**82.5**
Hubungan Sosial



**80.2**
Penggunaan Teknologi



Skor Keseluruhan **79.6**



## Dapatan Utama

Beberapa dapatan utama yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

### 1 Ketidakseimbangan antara kekuatan organisasi dan impak ekonomi

Walaupun koperasi menunjukkan kekuatan dalam aspek struktur, tadbir urus dan hubungan sosial, impak ekonomi yang dirasai oleh anggota masih berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa kekuatan organisasi belum sepenuhnya diterjemahkan kepada peningkatan kesejahteraan ekonomi anggota.

### 2 Kewujudan jurang merentas kluster, negeri dan status pekerjaan

Analisis menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian yang ketara antara koperasi besar dan mikro, serta antara kumpulan anggota yang berbeza. Dapatan ini memberi isyarat bahawa manfaat koperasi masih belum diagihkan secara menyeluruh dan inklusif.

### 3 Pembangunan kendiri dan penggunaan teknologi belum dioptimumkan sebagai pemacu ekonomi

Walaupun kedua-dua domain mencatat skor yang tinggi, sumbangannya terhadap peningkatan pendapatan dan kesejahteraan ekonomi anggota masih terhad. Ini menunjukkan keperluan untuk memperkukuh hubungan antara pembangunan kapasiti dengan hasil ekonomi.

### 4 Kebergantungan kepada pendekatan tradisional dalam penjanaan manfaat

Manfaat ekonomi anggota masih banyak bergantung kepada mekanisme konvensional seperti dividen, berbanding pendekatan yang lebih dinamik berasaskan penyertaan aktif anggota dalam aktiviti ekonomi koperasi.

## Implikasi Strategik

Dapatan IndeKA 2025 menunjukkan bahawa Sektor Koperasi Malaysia telah mencapai tahap kematangan yang baik dari segi struktur dan pengurusan. Walau bagaimanapun, cabaran utama kini adalah untuk memastikan bahawa kekuatan tersebut dapat diterjemahkan kepada impak ekonomi yang lebih signi ikan kepada anggota.

Dalam konteks ini, pendekatan pembangunan koperasi perlu beralih daripada penekanan kepada aktiviti dan pematuhan kepada pendekatan yang lebih berorientasikan hasil (*outcome-based*), khususnya dalam aspek peningkatan pendapatan anggota, pengurangan jurang kesejahteraan dan pengukuhan keterangkuman.

## Hala Tuju Strategik Selaras DaKoM 2030

Selaras dengan Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030), beberapa hala tuju strategik dikenal pasti:

- **Memperkukuh pemerkasaan ekonomi anggota** melalui model penjanaan pendapatan yang lebih aktif dan berimpak
- **Meningkatkan keterangkuman manfaat koperasi** dengan memberi fokus kepada kumpulan yang kurang mendapat manfaat
- **Mengoptimumkan pembangunan modal insan** melalui pendekatan berasaskan kemahiran dan produktiviti
- **Memperkukuh tadbir urus berasaskan hasil**, bukan sekadar pematuhan
- **Memanfaatkan teknologi sebagai pemacu nilai ekonomi**, bukan sekadar alat sokongan.

Secara keseluruhannya, IndeKA 2025 menunjukkan bahawa koperasi di Malaysia telah berjaya membina asas yang kukuh dari segi organisasi, pengurusan dan hubungan sosial. Namun demikian, terdapat keperluan yang jelas untuk memperkukuh impak ekonomi kepada anggota secara lebih menyeluruh dan inklusif.

Sehubungan itu, fokus pembangunan koperasi perlu beralih kepada usaha meningkatkan nilai tambah kepada anggota, khususnya dalam aspek ekonomi, selaras dengan aspirasi DaKoM 2030 untuk menjadikan koperasi sebagai pemacu utama kesejahteraan sosioekonomi rakyat.

**Rajah 1** : Skor Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi 2025
**Rajah 2** : Domain dan Indikator IndeKA
**Rajah 3** : Skor Domain IndeKA bagi Tahun 2018, 2021 dan 2025
**Rajah 4** : Proses Pensampelan Berperingkat
**Rajah 5 (a)** : Definisi Kluster Koperasi
**Rajah 5 (b)** : Definisi Fungsi Koperasi
**Rajah 6** : Domain dan Indikator Isntrumen IndeKA 2025
**Rajah 7** : Keputusan Kajian Rintis IndeKA 2025
**Rajah 8** : Pemberat Wajaran Skor IndeKA 2025 mengikut Domain
**Rajah 9** : Skor Domain Ekonomi Anggota
**Rajah 10** : Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Kluster
**Rajah 11** : Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Status Pekerjaan
**Rajah 12** : Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Negeri
**Rajah 13** : Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota
**Rajah 14** : Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Umur
**Rajah 15** : Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Domain
**Rajah 16** : Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Kluster
**Rajah 17** : Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Status Pekerjaan
**Rajah 18** : Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Negeri
**Rajah 19** : Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota
**Rajah 20** : Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Umur
**Rajah 21** : Skor Domain Pembangunan Kendiri
**Rajah 22** : Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Kluster
**Rajah 23** : Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Status Pekerjaan
**Rajah 24** : Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Negeri
**Rajah 25** : Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota
**Rajah 26** : Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Umur
**Rajah 27** : Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia
**Rajah 28** : Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Kluster
**Rajah 29** : Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Status Pekerjaan
**Rajah 30** : Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Negeri
**Rajah 31** : Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota
**Rajah 32** : Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Umur
**Rajah 33** : Skor Domain Hubungan Sosial
**Rajah 34** : Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Negeri
**Rajah 35** : Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota
**Rajah 36** : Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Umur
**Rajah 37** : Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Kluster
**Rajah 38** : Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Status Pekerjaan
**Rajah 38** : Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Negeri
**Rajah 40** : Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota
**Rajah 41** : Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Umur



IndeKA
2025

# LATAR BELAKANG

**INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2025**




# Latar Belakang

Gerakan koperasi di Malaysia telah melangkaui lebih satu abad kewujudannya sejak penubuhan koperasi pertama pada tahun 1922. Sepanjang tempoh tersebut, koperasi telah memainkan peranan yang signifikan dalam menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat, khususnya dalam memperkukuh kesejahteraan anggota serta komuniti setempat.

Koperasi pertama yang didaftarkan di Tanah Melayu ialah Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Pekerja-Pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad atau *The F.M.S Post* and *Telegraph Co-operative Thrift and Loan Society Limited* pada 21 Julai 1922. Tarikh ini kemudiannya diiktiraf sebagai Sambutan Hari Koperasi di Malaysia, yang mencerminkan kepentingan sejarah gerakan koperasi dalam pembangunan negara.

Seiring dengan perkembangan semasa, gerakan koperasi telah menunjukkan evolusi yang memberangsangkan dengan penglibatan dalam pelbagai sektor ekonomi termasuk kewangan, peruncitan, perkhidmatan, pertanian dan teknologi. Koperasi kini dianggotai oleh pelbagai lapisan masyarakat dan berfungsi sebagai platform inklusif dalam meningkatkan taraf hidup anggota.

Berdasarkan trend semasa, prestasi Sektor Koperasi terus menunjukkan peningkatan dari segi keanggotaan, aset dan perolehan. Dalam tempoh sedekad yang lalu, sektor koperasi telah mencatatkan pertumbuhan yang signifikan, mencerminkan keberkesanan dasar dan inisiatif pembangunan koperasi yang dilaksanakan oleh kerajaan.




Pelaksanaan **Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM 2030)** telah menjadi pemacu utama dalam memperkukuh peranan koperasi sebagai penyumbang penting kepada ekonomi negara. Selaras dengan aspirasi **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)**, koperasi dilihat sebagai instrumen strategik dalam memastikan pengagihan ekonomi yang lebih adil, inklusif dan mampan.

Dalam konteks ini, pengukuran tahap kesejahteraan anggota koperasi menjadi satu keperluan penting bagi menilai sejauh mana manfaat ekonomi dan sosial yang dinikmati oleh anggota. Justeru, Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi (IndeKA) dibangunkan sebagai satu penanda aras yang komprehensif untuk menilai tahap kesejahteraan anggota koperasi secara holistik merangkumi aspek ekonomi, sosial dan persekitaran.

Bagi tahun 2025, pelaksanaan IndeKA terus diperkasakan sebagai instrumen strategik dalam menyediakan dapatan berasaskan bukti (*evidence-based findings*) bagi membantu pembuat dasar dan pemegang taruh merangka intervensi yang lebih berfokus dan berimpak tinggi. Dapatan IndeKA 2025 dijangka dapat memperkukuh hala tuju pembangunan koperasi negara serta memastikan kesejahteraan anggota terus dipertingkatkan secara berterusan.



IndeKA 2025

# PENGENALAN

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2025

# Pengenalan

## Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi (IndeKA)

Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi (IndeKA) merupakan satu instrumen pengukuran yang dibangunkan bagi menilai tahap kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia secara menyeluruh. Sebelum ini, indeks ini dikenali sebagai Indeks Gerakan Koperasi Malaysia (IGKM) yang telah dilaksanakan pada tahun 2018. Penambahbaikan telah dilakukan dan dijenamakan semula sebagai IndeKA bagi memastikan kesesuaian dengan keperluan semasa serta perubahan landskap sosio-ekonomi negara.

Bagi tahun 2025, IndeKA terus berperanan sebagai mekanisme penting dalam mengukur tahap kesejahteraan anggota koperasi hasil daripada pelaksanaan dasar dan inisiatif pembangunan koperasi negara. Dapatan kajian ini menjadi asas kepada penyediaan intervensi yang lebih berfokus dan berimpak tinggi dalam menyokong hala tuju pembangunan koperasi yang mampan.

IndeKA merangkumi enam (6) domain utama dan 14 indikator yang mencakupi tiga (3) aspek utama iaitu ekonomi, sosial dan persekitaran. Aspek sosial merangkumi domain pembangunan kendiri, keberkesanan pengurusan dan hubungan sosial. Aspek ekonomi pula melibatkan domain ekonomi anggota, manakala aspek persekitaran merangkumi domain kawal selia dan tadbir urus serta penggunaan teknologi.

Pengukuran IndeKA dilaksanakan berdasarkan pelbagai faktor yang merangkumi dimensi ekonomi, sosial, modal insan, pengurusan, tadbir urus dan penggunaan teknologi. Dalam konteks ini, kesejahteraan anggota ditakrifkan sebagai tahap kepuasan anggota terhadap manfaat dan nilai yang diperoleh melalui penglibatan dalam koperasi.

Pembentukan domain dan indikator IndeKA 2025 terus diselaraskan dengan keutamaan dasar semasa termasuk Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) serta aspirasi pembangunan negara seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). Penyelarasan ini memastikan IndeKA kekal relevan sebagai alat pengukuran strategik bagi menyokong keperluan pemegang taruh.

## Objektif Indeka

### Objektif Umum

Menilai tahap kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia bagi tahun semasa sebagai asas kepada perancangan strategik dan pelaksanaan intervensi yang berimpak.

### Objektif Khusus

i. Mengenal pasti tahap prestasi setiap domain kesejahteraan anggota koperasi sebagai asas kepada tindakan susulan oleh pemegang taruh.

ii. Menentukan domain dan indikator yang menyumbang secara signifikan terhadap peningkatan kesejahteraan anggota koperasi.

iii. Mengenal pasti jurang dan isu utama dalam kesejahteraan anggota koperasi bagi tujuan penambahbaikan berterusan.

iv. Mengemukakan cadangan intervensi yang berfokus dan bersasar berdasarkan dapatan kajian bagi meningkatkan kesejahteraan anggota koperasi.




**Rajah 2:** Domain dan Indikator IndeKA

## Definisi Operasi Domain dan Indikator

### Domain Ekonomi Anggota

Domain ini merujuk kepada tahap kesejahteraan ekonomi anggota koperasi berdasarkan manfaat kewangan dan keupayaan peningkatan sosioekonomi hasil penglibatan dalam koperasi. Ia merangkumi bukan sahaja pulangan kewangan seperti dividen dan insentif, tetapi juga sokongan ekonomi, peluang peningkatan pendapatan serta kestabilan ekonomi anggota melalui aktiviti koperasi.

Nilai yang terhasil daripada manfaat ini menyumbang kepada pembentukan kesejahteraan ekonomi secara kolektif dalam kalangan anggota.

Domain ini mengandungi dua indikator:

- **Faedah Kewangan**
  Merujuk kepada manfaat kewangan langsung dan tidak langsung yang diterima oleh anggota seperti dividen, bonus, bantuan kebajikan, subsidi, latihan serta sokongan kewangan lain yang meningkatkan kesejahteraan hidup anggota.
- **Pengurusan Ekonomi**
  Merujuk kepada keupayaan koperasi dalam menyediakan peluang peningkatan ekonomi kepada anggota termasuk peluang menjana pendapatan, kestabilan kewangan, serta keberkesanan aktiviti perniagaan koperasi dalam memenuhi keperluan sosioekonomi anggota.

### Domain Keberkesanan Pengurusan

Domain ini merujuk kepada persepsi anggota terhadap keupayaan pengurusan koperasi dalam merancang, melaksana dan mengawal operasi koperasi secara cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat organisasi serta memenuhi keperluan anggota.

Ia merangkumi dua indikator utama:

- **Kompetensi Pengurusan**
  Merujuk kepada tahap keupayaan, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran pihak pengurusan dan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dalam membuat keputusan strategik serta memahami keperluan anggota.
- **Kualiti Pengurusan**
  Merujuk kepada tahap kualiti perkhidmatan pengurusan koperasi termasuk kecekapan penyampaian perkhidmatan, ketelusan, keadilan, responsif terhadap anggota serta keberkesanan pelaksanaan pelan strategik.

## Domain Pembangunan Kendiri

Domain ini merujuk kepada tahap pembangunan individu anggota koperasi dari segi ilmu, kemahiran dan komitmen dalam penglibatan aktif sebagai anggota koperasi. Ia mencerminkan keupayaan anggota dalam memahami, menyumbang dan memperkukuh peranan mereka dalam koperasi.

Pengukuran domain ini melibatkan tiga indikator:

- **Ilmu Berkoperasi**
  Tahap pengetahuan dan kefahaman anggota terhadap prinsip, nilai dan amalan koperasi serta keupayaan mengaplikasikannya dalam aktiviti koperasi.
- **Komitmen**
  Tahap penglibatan, tanggungjawab dan kesungguhan anggota dalam menyertai aktiviti koperasi termasuk kehadiran, penyertaan dan sokongan terhadap matlamat koperasi.
- **Kemahiran**
  Keupayaan anggota dalam menyumbang kepada koperasi melalui kemahiran seperti komunikasi, kepimpinan, penilaian prestasi dan perkongsian kepakaran.

## Domain Kawal Selia Dan Tadbir Urus

Domain ini merujuk kepada tahap keberkesanan struktur tadbir urus koperasi dalam memastikan pengurusan yang telus, berintegriti dan mematuhi perundangan, serta melindungi kepentingan anggota.

Ia merangkumi tiga indikator:

- **Keberkesanan Lembaga Koperasi**
  Keupayaan ALK dalam menetapkan hala tuju strategik, membuat keputusan yang tepat dan memastikan kepentingan anggota diutamakan.
- **Pengawasan Pengurusan**
  Peranan ALK dalam memantau, menilai dan memastikan pengurusan melaksanakan tugas dengan berkesan serta mencapai matlamat koperasi.
- **Ketelusan dan Integriti**
  Tahap keterbukaan, akauntabiliti dan pematuhan koperasi terhadap peraturan, termasuk kepercayaan terhadap laporan kewangan, pengauditan serta keselamatan maklumat anggota.



## Domain Hubungan Sosial

Domain ini merujuk kepada tahap hubungan sosial dan jaringan dalam kalangan anggota koperasi serta antara anggota dengan pihak pengurusan dan pihak luar, yang menyumbang kepada pengukuhan kerjasama dan penciptaan nilai kolektif.

Ia merangkumi dua indikator:

- **Rangkaian Sosial**
  Tahap keharmonian hubungan, komunikasi dan interaksi antara anggota, pengurusan serta pihak luar yang memberi manfaat kepada koperasi.
- **Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi**
  Tahap penglibatan dan kerjasama anggota dalam aktiviti koperasi secara sukarela yang menyumbang kepada pembangunan koperasi dan komuniti.



## Domain Penggunaan Teknologi

Domain ini merujuk kepada tahap penerimaan dan penggunaan teknologi oleh koperasi dalam meningkatkan kecekapan pengurusan serta kemudahan kepada anggota.

Ia merangkumi dua indikator:


- **Penerimaan Teknologi**
  Tahap penerimaan anggota terhadap penggunaan teknologi dalam koperasi serta persepsi terhadap kepentingannya dalam meningkatkan prestasi koperasi.
- **Aplikasi Teknologi**
  Tahap penggunaan teknologi dalam operasi dan perkhidmatan koperasi termasuk sistem maklumat, komunikasi digital, automasi dan inovasi teknologi yang memberi manfaat kepada anggota.

## Demografi Responden

Profil responden bagi kajian IndeKA 2025 dianalisis berdasarkan beberapa ciri demografi utama iaitu jantina, kawasan, bangsa, agama, umur, status perkahwinan, bilangan koperasi yang dianggotai, tahap pendidikan tertinggi, status pekerjaan semasa, jumlah pendapatan bulanan serta jumlah faedah kewangan yang diterima daripada koperasi pada tahun 2024.

Selain itu, analisis turut melibatkan komposisi responden mengikut negeri, kumpulan sasar, fungsi koperasi serta kluster koperasi bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap latar belakang responden dalam kajian ini.

### 1 Jantina



Lelaki • 1201
**54.3%**

Perempuan • 1012
**45.7%**

### 2 Bangsa

Melayu • 1952
**88.2%**

Bumiputera Sabah • 86
**3.9%**

Cina • 42
**1.9%**

Bumiputera Sarawak • 46
**2.1%**

India • 67
**3.0%**

Lain-lain • 20
**.9%**

### 3 Agama

| | | |
|---|---|---|
| Islam | 93.7% | Bilangan 2075 |
| Buddha | 1.1% | Bilangan 24 |
| Hindu | 2.8% | Bilangan 63 |
| Kristian | 1.9% | Bilangan 43 |
| Lain-lain | .9% | Bilangan 8 |

### 4 Umur



| | |
|---|---|
| 4.5% | 18 tahun hingga 30 tahun<br>Bilangan 100 |
| 21.6% | 31 tahun hingga 40 tahun<br>Bilangan 477 |
| 29.6% | 41 tahun hingga 50 tahun<br>Bilangan 655 |
| 31.3% | 51 tahun hingga 60 tahun<br>Bilangan 693 |
| 13.0% | 61 tahun ke atas<br>Bilangan 288 |

### 5 Status Perkahwinan



Bujang
Bilangan 142
**6.4%**



Berkahwin
Bilangan 1965
**88.8%**



Janda
Bilangan 38
**1.7%**



Duda
Bilangan 68
**3.1%**

## 6 Bilangan Koperasi Yang Sedang Dianggotai

| | | |
|---|---|---|
| Satu (1) Bilangan 1675 | 74.9% |
| Dua (2) Bilangan 365 | 16.5% |
| Tiga (3) Bilangan 128 | 5.8% |
| Empat (4) Bilangan 33 | 1.5% |
| Lima (5) Bilangan 23 | 1.0% |
| Enam (6) Bilangan 7 | .3% |

## 7 Pendidikan Tertinggi



| | | | |
|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Bilangan 9 | .4% | 25.1% | Diploma Bilangan 556 |
| SRP/ PMR/ PT3 Bilangan 16 | .7% | 37.2% | Ijazah Bilangan 823 |
| SPM/ SPMV Bilangan 374 | 16.9% | 8.5% | Sarjana Bilangan 189 |
| STPM/ STAM/ Sijil/ Matrikulasi Bilangan 212 | 9.6% | 1.3% | Ph.D/ DBA Bilangan 29 |
| | | .2% | Lain-lain Bilangan 5 |

## 8 Status Pekerjaan Sekarang

| | | |
|---|---|---|
| 23.9% | Penjawat Awam Bilangan 530 |
| 27.6% | Pekerja Swasta Bilangan 610 |
| 17.2% | Bekerja Sendiri Bilangan 380 |
| 8.1% | Perkerja Koperasi Bilangan 180 |
| 9.9% | Suri Rumah Bilangan 220 |
| 6.8% | Pelajar Universiti Bilangan 150 |
| 6.5% | Tidak Bekerja/Pesara Bilangan 143 |


## 9 Jumlah Pendapatan Bulanan

| | |
|---|---|
| RM1000.00 ke bawah Bilangan 114 | 5.2% |
| RM1001.00 > RM2000.00 Bilangan 355 | 16.0% |
| RM2001.00 > RM3000.00 Bilangan 392 | 17.7% |
| RM3001.00 > RM4000.00 Bilangan 392 | 16.9% |
| RM4001.00 > RM5000.00 Bilangan 412 | 18.6% |
| RM5001.00 > RM6000.00 Bilangan 207 | 9.4% |
| RM6001.00 > RM7000.00 Bilangan 73 | 3.3% |

## 10 Jumlah Faedah Kewangan Yang Diterima Daripada Koperasi (2024)

| | |
|---|---|
| RM100.00 ke bawah Bilangan 579 | 26.2% |
| RM101.00 hingga RM500.00 Bilangan 810 | 36.6% |
| RM501.00 hingga RM1000.00 Bilangan 242 | 10.9% |
| RM1001.00 hingga RM1500.00 Bilangan 255 | 11.5% |
| RM1501.00 dan ke atas Bilangan 193 | 8.7% |
| Tiada Bilangan 134 | 6.1% |

## 11 Tempoh Menjadi Anggota



IndeKA 2025

# SKOR KESELURUHAN

## INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2025

# Skor Keseluruhan IndeKA 2025

| Domain | 2018 | 2021 | 2025 |
|---|---|---|---|
| **Ekonomi Anggota** | Sederhana **65.4** | Memuaskan **70.3** | Memuaskan **75.5** |
| **Pembangunan Kendiri** | Sederhana **68.0** | Memuaskan **75.1** | Amat Memuaskan **81.7** |
| **Keberkesanan Pengurusan** | Memuaskan **71.5** | Memuaskan **76.5** | Amat Memuaskan **80.1** |
| **Kawal Selia & Tadbir Urus** | Memuaskan **72.9** | Memuaskan **78.1** | Amat Memuaskan **81.4** |
| **Hubungan Sosial** | Memuaskan **72.6** | Memuaskan **77.2** | Amat Memuaskan **82.5** |
| **Penggunaan Teknologi** | Sederhana **68.5** | Memuaskan **74.8** | Amat Memuaskan **80.2** |
| **Jumlah** | Sederhana **69.1** | Memuaskan **74.6** | Memuaskan **79.6** |

**Rajah 3:** Skor Domain IndeKA bagi Tahun 2018, 2021 dan 2025



IndeKA 2025

# METODOLOGI

## INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2025

# Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengedaran soal selidik secara dalam talian kepada anggota koperasi di seluruh negara. Kajian ini merupakan kesinambungan kepada pengukuran Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi yang pertama dilaksanakan pada tahun 2018.

## Rangka Persampelan

Populasi kajian terdiri daripada anggota koperasi yang memenuhi kriteria berikut:

- Telah menjadi anggota melebihi tempoh dua (2) tahun
- Tidak memegang sebarang jawatan dalam koperasi
- Berdaftar sehingga 31 Disember 2024

Selain itu, koperasi yang terlibat dalam kajian ini perlu memenuhi ciri-ciri berikut:


- Berstatus aktif
- Dikategorikan sebagai koperasi dewasa
- Berada pada peringkat asas

Sehingga Disember 2024, gerakan koperasi di Malaysia merekodkan sebanyak 16,284 koperasi dengan jumlah keanggotaan melebihi 7.2 juta individu, mencerminkan hampir satu perlima daripada populasi negara terlibat dalam sektor koperasi.

Mengikut cadangan Krejcie & Morgan, jumlah minimum sampel bagi populasi ini adalah sebanyak 384 responden. Walau bagaimanapun, kajian ini telah menetapkan jumlah sampel yang lebih besar iaitu 2,500 responden bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan representasi data.




**Rajah 4:** Proses Pensampelan Berperingkat




**Rajah 5 (a):** Definisi Kluster Koperasi

Pengelasan fungsi koperasi adalah berdasarkan aktiviti utama ekonomi dan perkhidmatan yang dijalankan oleh koperasi. Definisi bagi setiap fungsi adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| **Kredit** | Koperasi yang menyediakan perkhidmatan kewangan kepada anggota seperti pembiayaan, pinjaman, simpanan dan kemudahan kredit bagi meningkatkan kesejahteraan ekonomi anggota. |
| **Pembinaan** | Koperasi yang terlibat dalam aktiviti pembinaan termasuk pembangunan infrastruktur, kerja-kerja kontrak, pembinaan bangunan serta projek kejuruteraan. |
| **Pengangkutan** | Koperasi yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan seperti bas, teksi, lori atau logistik yang memberi manfaat kepada anggota dan komuniti. |
| **Pengguna** | Koperasi yang menjalankan aktiviti peruncitan atau pembekalan barangan keperluan harian kepada anggota dengan harga berpatutan bagi meningkatkan kesejahteraan pengguna. |
| **Perindustrian** | Koperasi yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pembuatan dan industri kecil dan sederhana yang berasaskan produk atau bahan mentah tertentu. |
| **Perkhidmatan** | Koperasi yang menyediakan pelbagai bentuk perkhidmatan seperti pendidikan, kesihatan, pelancongan, teknologi, perundingan atau perkhidmatan profesional lain. |
| **Pertanian** | Koperasi yang menjalankan aktiviti berkaitan pertanian, penternakan, perikanan dan agro-makanan bagi meningkatkan hasil dan pendapatan anggota. |
| **Perumahan** | Koperasi yang menyediakan kemudahan perumahan termasuk pembangunan hartanah, penyediaan rumah mampu milik dan pengurusan kediaman untuk anggota. |

**Rajah 5 (b):** Definisi Fungsi Koperasi

## Instrumen Indeka

Instrumen Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi (IndeKA) dibangunkan bagi mengukur tahap kesejahteraan anggota koperasi secara holistik merangkumi aspek ekonomi, sosial, pembangunan individu serta tadbir urus organisasi. Instrumen ini terdiri daripada enam (6) domain utama, iaitu:



1. Ekonomi anggota
2. Keberkesanan pengurusan
3. Pembangunan kendiri
4. Kawal selia dan tadbir urus
5. Penggunaan teknologi

Berdasarkan dapatan kajian IndeKA terdahulu, penambahbaikan instrumen telah dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kekal pada tahap yang tinggi. Instrumen asal pada tahun 2018 mengandungi sebanyak 83 item dan telah melalui proses pemurnian kepada 73 item pada tahun 2021 tanpa menjejaskan kualiti pengukuran.


Bagi pelaksanaan IndeKA 2025, instrumen ini telah disemak semula dan ditambah baik, dengan jumlah item meningkat kepada 80 item. Penambahbaikan ini mengambil kira kesesuaian konteks semasa, khususnya dalam aspek digitalisasi, tadbir urus dan kesejahteraan anggota secara menyeluruh.

| | | Jumlah Item | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2018 | 2021 | 2025 |
| DOMAIN | **Ekonomi Anggota** | | | |
| Indikator | Faedah Kewangan | 5 | 5 | 5 |
| Indikator | Pengurusan Ekonomi | 5 | 4 | 5 |
| DOMAIN | **Keberkesanan Pengurusan** | | | |
| Indikator | Kompetensi Pengurusan | 10 | 9 | 7 |
| Indikator | Kualiti Pengurusan | 4 | 4 | 8 |
| DOMAIN | **Pembangunan Kendiri** | | | |
| Indikator | Ilmu Berkoperasi | 7 | 6 | 7 |
| Indikator | Komitmen | 8 | 6 | 5 |
| Indikator | Kemahiran | 4 | 4 | 4 |
| DOMAIN | **Tadbir Urus dan Kawal Selia** | | | |
| Indikator | Keberkesanan Lembaga Koperasi | 6 | 5 | 5 |
| Indikator | Pengawasan Pengurusan | 6 | 4 | 4 |
| Indikator | Ketelusan dan Integriti | 4 | 4 | 4 |
| DOMAIN | **Hubungan Sosial** | | | |
| Indikator | Rangkaian Sosial | 6 | 5 | 5 |
| Indikator | Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | 6 | 4 | 4 |
| DOMAIN | **Penggunaan Teknologi** | | | |
| Indikator | Penerimaan Teknologi | 5 | 5 | 4 |
| Indikator | Aplikasi | 4 | 4 | 7 |

**Rajah 6:** Domain dan Indikator Isntrumen IndeKA 2025 (ikon untuk setiap domain)

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen IndeKA 2025 telah dinilai melalui pelaksanaan kajian rintis yang melibatkan responden sasaran bagi menguji kestabilan awal instrumen.

Analisis kebolehpercayaan menggunakan pekali *Cronbach's Alpha* menunjukkan bahawa keseluruhan instrumen berada pada tahap cemerlang dengan nilai $\alpha = 0.93$.




**Rajah 7:** Keputusan Kajian Rintis IndeKA 2025


## Pengumpulan Data

Pengumpulan data bagi kajian IndeKA 2025 dilaksanakan melalui dua fasa bagi memastikan kecukupan sampel serta representasi responden mengikut negeri, kluster dan fungsi koperasi.

Proses ini melibatkan kerjasama antara penyelidik, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan pihak koperasi.

### Fasa Pertama Pengumpulan Data

Fasa pertama pengumpulan data melibatkan langkah-langkah berikut:





Dalam fasa ini, seramai 801 anggota koperasi telah berjaya memberikan maklum balas.

## Fasa Kedua Pengumpulan Data

Fasa kedua dilaksanakan bagi melengkapkan saiz sampel serta memastikan keseimbangan representasi responden mengikut kluster dan fungsi koperasi.

Langkah-langkah yang terlibat adalah seperti berikut:




Pendekatan dua fasa ini membolehkan pengumpulan data dilaksanakan secara lebih sistematik dan memastikan bahawa sampel yang diperoleh adalah mencukupi serta representatif merangkumi variasi anggota koperasi di Malaysia.

## Kaedah Pembentukan Skor Indeks

Kajian ini menggunakan skala skor antara 0 hingga 100, di mana skor "0" mewakili tahap kesejahteraan yang paling rendah manakala skor "100" menunjukkan tahap kesejahteraan yang paling tinggi. Semakin tinggi skor yang diperoleh, semakin baik tahap kesejahteraan anggota koperasi.

Bagi IndeKA 2025, pembentukan skor indeks adalah berdasarkan purata skor bagi semua 6 domain dan 14 indikator yang merangkumi 80 item instrument. Pengiraan skor indeks adalah menggunakan formula berikut:

$$Skor\ Indikator : \overline{X}_{indikator} = \frac{\sum_{k=1}\left[\frac{M_k - M_k^s}{R}\right]}{n_{item}} \times 100$$
$$k = 1,2, \dots, n_{item}$$

$$Skor\ Domain : \overline{X}_{domain} = \frac{\sum_{i=1} \overline{X}_{indikator,i}}{n_{indikator}}$$
$$i = 1,2, \dots, n_{indikator}$$

$$Skor\ Indeks : \overline{X}_{indeks} = \frac{\sum_{d=1} \overline{X}_{idomain,d}}{n_{domain}} \times \text{wajaran domain}$$
$$d = 1,2, \dots, n_{domain}$$

$M_k$ = *Min skor*
$M_k^s$ = *nilai minimum skala*
$R$ = *nilai maksimum skala - nilai minimum skala*
$n$ = *bilangan*

## Pemberat Wajaran Skor Indeka

Penetapan pemberat bagi skor IndeKA 2025 adalah dikekalkan berdasarkan IndeKA 2021 bagi memastikan konsistensi dalam pengukuran serta memudahkan perbandingan skor secara longitudinal.

Pendekatan ini membolehkan analisis trend kesejahteraan anggota koperasi dilakukan dengan lebih tepat tanpa dipengaruhi oleh perubahan struktur pemberat.

| Domain | Pemberat | Domain | Pemberat |
|---|---|---|---|
| Ekonomi Anggota | 28% | Keberkesanan Pengurusan | 20% |
| Pembangunan Kendiri | 18% | Kawal Selia dan Tadbir Urus | 12% |
| Hubungan Sosial | 12% | Penggunaan Teknologi | 10% |

Keseluruhan 100%

**Rajah 8:** Pemberat Wajaran Skor IndeKA 2025 mengikut Domain

## Skala Skor Tahap Kesejahteraan Anggota Koperasi

Penetapan skala skor bertujuan untuk memudahkan interpretasi tahap kesejahteraan anggota berdasarkan nilai indeks yang diperoleh.




**Rajah 9:** Skala Skor Tahap Kesejahteraan Anggota Koperasi.



IndeKA 2025



# DOMAIN EKONOMI ANGGOTA

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2025


# Domain Ekonomi Anggota

Domain Ekonomi Anggota mengandungi dua indikator iaitu:

- Faedah Kewangan; dan
- Pengurusan Ekonomi

Secara keseluruhan, Peningkatan daripada 65.4 kepada 75.5 menunjukkan lonjakan hampir 10 mata dalam tempoh tujuh tahun, dengan kadar peningkatan yang konsisten antara kedua-dua fasa masa.

Walaupun peningkatan ini berterusan, kedudukan skor yang kini menghampiri paras 75 menunjukkan bahawa koperasi telah mencapai tahap pematangan tertentu, dan sebarang peningkatan seterusnya berkemungkinan memerlukan intervensi yang lebih strategik dan berimpak tinggi.




**Rajah 10:** Skor Domain Ekonomi Anggota

## Skor Item bagi Domain Ekonomi Anggota

**Subdomain: Faedah Kewangan**

Subdomain Faedah Kewangan mengukur persepsi anggota terhadap pulangan kewangan, keselamatan simpanan, dan sokongan kebajikan yang diterima daripada koperasi.

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 1 | Berpuas hati dengan faedah kewangan (dividen, bonus) | 80.5 |
| 2 | Yakin syer, yuran, deposit, simpanan khas selamat | 80.8 |
| 3 | Bantuan kebajikan meringankan beban kewangan | 73.4 |
| 4 | Program latihan/peningkatan kemahiran memberi manfaat sosioekonomi | 69.8 |
| 5 | Perkhidmatan sokongan (harga subsidi, rebat, diskaun, pinjaman tanpa faedah) | 75.2 |

### Skor Tertinggi

Item yang mencatatkan skor tertinggi dalam subdomain ini ialah Item 2 — keyakinan terhadap keselamatan syer, yuran, deposit, dan simpanan khas dalam koperasi dengan skor min 80.8. Dapatan ini mencerminkan tahap kepercayaan institusi yang tinggi dalam kalangan anggota. Kepercayaan terhadap keselamatan simpanan bukan sekadar dimensi kewangan semata-mata, malah ia merupakan asas psikologi yang menentukan kesetiaan jangka panjang seseorang anggota terhadap koperasi. Apabila anggota yakin bahawa wang mereka selamat, mereka lebih cenderung untuk terus menyertai, menambah simpanan, dan turut serta dalam aktiviti koperasi secara aktif.

### Skor Terendah

Item yang mencatatkan skor paling rendah dalam subdomain ini, malah dalam keseluruhan Domain Ekonomi Anggota, ialah Item 4 — koperasi menyediakan program latihan atau peningkatan kemahiran yang memberi manfaat sosioekonomi kepada anggota, dengan skor min 69.8. Skor ini berada di bawah paras 70.0 dan merupakan yang terendah dalam keseluruhan kajian IndeKA 2025. Keadaan ini amat membimbangkan kerana program latihan dan peningkatan kemahiran merupakan salah satu mekanisme kritikal bagi koperasi untuk meningkatkan kapasiti modal insan anggotanya secara holistik.

Analisis mendalam mendapati bahawa kelemahan ini bukan semata-mata berkaitan dengan kekurangan program, tetapi kemungkinan besar berkaitan dengan tiga isu utama: pertama, program yang ada mungkin tidak relevan dengan keperluan sebenar anggota; kedua, program mungkin tidak mudah diakses oleh semua lapisan anggota; dan ketiga, impak program yang dilaksanakan tidak dirasai secara langsung dalam kehidupan sosioekonomi anggota. Ketiga-tiga isu ini memerlukan penelitian mendalam yang berasingan sebelum sebarang langkah pembaikan dapat dirancang dengan berkesan.

Item 3 — bantuan kebajikan koperasi membantu meringankan beban kewangan — pula mencatatkan skor 73.4, yang turut tergolong dalam julat yang memerlukan perhatian. Ini bermakna program kebajikan sedia ada, seperti khairat kematian, tabung bencana, dan tabung pendidikan, masih dirasai tidak mencukupi atau tidak meluas liputan pemanfaatannya. Kemungkinan besar terdapat kelompok anggota yang tidak mengetahui tentang kewujudan program ini, atau prosedur permohonan yang rumit menghalang mereka daripada memanfaatkannya.

**Saranan**

- Laksanakan Kajian Keperluan Latihan (*Training Needs Analysis)* secara berkala melibatkan anggota dari pelbagai latar belakang untuk memastikan program yang dirancang benar-benar relevan dan berimpak.
- Reka bentuk program latihan sosioekonomi yang praktikal dan boleh diaplikasikan segera, contohnya kemahiran keusahawanan, literasi kewangan, dan kemahiran digital.
- Tingkatkan promosi dan penyampaian maklumat tentang program kebajikan melalui saluran digital dan mesyuarat anggota agar liputan pengetahuan lebih menyeluruh.
- Sediakan panduan permohonan bantuan kebajikan yang mudah difahami dan ringkas bagi memudahkan akses anggota.

**Subdomain: Pengurusan Ekonomi**

Subdomain Pengurusan Ekonomi mengukur sejauhmana aktiviti dan produk koperasi memenuhi keperluan sosioekonomi anggota, termasuk peluang menambah pendapatan dan keadilan dalam pengagihan manfaat.

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 6 | Produk koperasi memenuhi keperluan dan meningkatkan sosioekonomi | 77.8 |
| 7 | Aktiviti perniagaan koperasi memenuhi keperluan bersama anggota | 72.8 |
| 8 | Koperasi menyediakan peluang menambah pendapatan | 73.6 |
| 9 | Penyertaan dalam koperasi meningkatkan kestabilan ekonomi | 72.8 |
| 10 | Pembahagian manfaat ekonomi koperasi adalah adil | 78.1 |

## Skor Tertinggi

Item yang mencatatkan skor tertinggi dalam subdomain ini ialah Item 10 — persepsi terhadap keadilan dalam pembahagian manfaat ekonomi koperasi kepada semua anggota, dengan skor min 78.1. Skor ini mencerminkan bahawa anggota secara umumnya berpuas hati dengan prinsip keadilan yang diamalkan oleh koperasi dalam mengagihkan manfaat. Ini adalah petanda positif kerana persepsi keadilan merupakan faktor utama yang menentukan kepercayaan dan kesetiaan anggota dalam jangka panjang.

Item 6 — produk koperasi memenuhi keperluan dan meningkatkan sosioekonomi anggota — turut mencatatkan skor yang lebih baik berbanding item lain dalam subdomain ini, iaitu 77.8. Ini menunjukkan bahawa dari segi produk asas, koperasi masih dilihat relevan oleh sebilangan besar anggota. Walau bagaimanapun, terdapat ruang untuk meningkatkan relevansi produk bagi memenuhi keperluan anggota yang lebih pelbagai dan semakin kompleks.

## Skor Terendah

Dua item mencatatkan skor yang sama dan paling rendah dalam subdomain ini, iaitu Item 7 dan Item 9, masing-masing dengan skor min 72.8. Item 7 berkaitan dengan persepsi bahawa aktiviti perniagaan koperasi memenuhi keperluan bersama anggota, manakala Item 9 berkaitan dengan penyertaan dalam koperasi yang telah meningkatkan kestabilan ekonomi anggota. Keselarasan skor yang rendah bagi kedua-dua item ini bukan satu kebetulan — ia menggambarkan jurang yang sistematik antara apa yang koperasi lakukan dengan apa yang sebenarnya dirasai impaknya oleh anggota.

Isu ini mencerminkan fenomena yang lebih dalam — koperasi mungkin menjalankan banyak aktiviti perniagaan, tetapi aktiviti-aktiviti tersebut mungkin tidak direka bentuk dengan orientasi memenuhi keperluan spesifik anggota. Akibatnya, anggota tidak merasai peningkatan kestabilan ekonomi yang bermakna walaupun koperasi aktif beroperasi. Ini juga berkemungkinan menunjukkan bahawa model perniagaan semasa koperasi lebih berfokus kepada kelangsungan institusi berbanding peningkatan sosioekonomi anggota secara langsung.

Item 8 — koperasi menyediakan peluang menambah pendapatan — mencatatkan skor 73.6, turut berada dalam julat yang membimbangkan. Peluang menambah pendapatan adalah antara motivasi utama penglibatan anggota dalam koperasi. Apabila anggota tidak merasai adanya peluang tersebut, ia boleh membawa kepada penurunan penglibatan aktif dan akhirnya menyebabkan anggota menjadi anggota pasif atau nominal sahaja.


**Saranan**

- Jalankan kajian pasaran dalaman secara berkala untuk menilai sama ada produk dan perkhidmatan koperasi masih relevan dengan keperluan semasa dan berubah-ubah anggota.
- Bangunkan model perniagaan berorientasikan anggota (*member-centric*) yang menempatkan keperluan ekonomi anggota sebagai asas dalam setiap keputusan strategik koperasi.
- Cipta peluang penjanaan pendapatan yang lebih pelbagai, seperti program sub-agen, usaha sama dengan anggota aktif, atau platform pasaran koperasi untuk anggota berniaga sesama sendiri.
- Wujudkan mekanisme maklum balas berterusan agar anggota dapat menyuarakan keperluan ekonomi mereka secara langsung kepada pihak

## Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Kluster Koperasi

Perbezaan sekitar 4 hingga 5 mata antara koperasi besar (79.4) dan kluster lain yang berada dalam julat 74 hingga 75 menunjukkan bahawa skala dan kapasiti organisasi memberi kelebihan dalam menjana manfaat ekonomi.

Walaupun koperasi mikro mencatat skor setanding dengan koperasi kecil dan sederhana, kedudukan ini lebih mencerminkan tahap pencapaian asas yang serupa, bukannya keupayaan yang setara dari segi pengoptimuman sistem dan nilai tambah kepada anggota.




**Rajah 11:** Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Kluster

## Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Status Pekerjaan

Jurang hampir 9 mata antara pekerja koperasi (80.2) dan tidak bekerja /pesara (71.4) menunjukkan bahawa tahap keterlibatan dan akses kepada ekosistem koperasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap manfaat ekonomi yang diterima.

Kumpulan dengan pendapatan lebih stabil seperti penjawat awam (78.6) mencatat skor lebih tinggi berbanding bekerja sendiri (74.8), mencerminkan bahawa kestabilan kewangan meningkatkan keupayaan untuk memanfaatkan peluang koperasi. Skor yang lebih rendah dalam kalangan suri rumah (72.6) dan tidak bekerja menunjukkan bahawa akses kepada manfaat koperasi masih belum sepenuhnya inklusif.

| Status Pekerjaan | Ekonomi Anggota (Domain) | Faedah Kewangan (Indikator) | Pengurusan Ekonomi (Indikator) |
|---|---|---|---|
| **Penjawat Awam** | Memuaskan **78.6** | Memuaskan **79.4** | Memuaskan **77.8** |
| **Pekerja Swasta** | Memuaskan **75.9** | Memuaskan **76.3** | Memuaskan **75.5** |
| **Bekerja Sendiri** | Memuaskan **74.8** | Memuaskan **73.9** | Memuaskan **75.7** |
| **Pekerja Koperasi** | Memuaskan **80.2** | Sangat Memuaskan **81.5** | Memuaskan **78.9** |
| **Suri Rumah** | Memuaskan **72.6** | Memuaskan **71.8** | Memuaskan **73.4** |
| **Pelajar** | Memuaskan **73.9** | Memuaskan **74.5** | Memuaskan **73.3** |
| **Tidak Bekerja/pesara** | Memuaskan **71.4** | Memuaskan **70.6** | Memuaskan **72.2** |

**Rajah 12:** Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Status Pekerjaan

## Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Negeri

Perbezaan melebihi 13 mata antara negeri tertinggi (Sabah, 82.2) dan terendah (Kedah, 69.1) menunjukkan ketidakseimbangan yang ketara dalam pencapaian ekonomi anggota merentas wilayah.

Negeri yang mencatat skor melebihi 78 seperti Sabah, Kelantan dan Terengganu menunjukkan tahap pengoptimuman yang lebih tinggi, manakala negeri dalam julat awal 70-an mencerminkan pencapaian yang masih sederhana dan memerlukan pengukuhan dari segi pelaksanaan serta capaian manfaat kepada anggota.




**Rajah 13:** Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Negeri

## Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota

Anggota baharu (<2 tahun) mencatat skor tertinggi sekitar 79.4, namun skor ini menurun kepada sekitar 74.0 dalam kumpulan 6 hingga 10 tahun, menunjukkan kemungkinan penurunan tahap engagement selepas fasa awal keanggotaan.

Walaupun terdapat peningkatan semula dalam kumpulan 16 hingga 20 tahun (76.3), pola keseluruhan tidak menunjukkan peningkatan yang linear, sebaliknya mencerminkan bahawa manfaat ekonomi bergantung kepada tahap penglibatan berterusan, bukan tempoh keanggotaan semata-mata.

| Tempoh Menjadi Anggota | Ekonomi Anggota (Domain) | Faedah Kewangan (Indikator) | Pengurusan Ekonomi (Indikator) |
|---|---|---|---|
| < 2 Tahun | Memuaskan **79.4** | Memuaskan **75.5** | Memuaskan **79.4** |
| 2 – 5 Tahun | Memuaskan **76.0** | Memuaskan **77.3** | Memuaskan **74.8** |
| 6 – 10 Tahun | Memuaskan **74.0** | Memuaskan **73.9** | Memuaskan **74.1** |
| 11 – 15 Tahun | Memuaskan **74.4** | Sangat Memuaskan **75.5** | Memuaskan **73.3** |
| 16 – 20 Tahun | Memuaskan **76.3** | Memuaskan **73.2** | Memuaskan **79.5** |
| < 20 Tahun | Memuaskan **75.3** | Memuaskan **76.2** | Memuaskan **74.3** |

**Rajah 14:** Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota

## Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Umur

Perbezaan antara kumpulan umur adalah sederhana, dengan kumpulan 18 hingga 30 tahun mencatat skor tertinggi sekitar 78.4 berbanding 61 tahun ke atas sekitar 72.2, menghasilkan jurang lebih 6 mata.

Kumpulan umur pertengahan (31 hingga 60 tahun) menunjukkan kestabilan dalam julat 74 hingga 77, mencerminkan tahap manfaat yang konsisten tetapi tidak menunjukkan peningkatan yang ketara. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor umur mempengaruhi tahap keterlibatan dan akses, namun bukan penentu utama kepada manfaat ekonomi.

| Umur | Ekonomi Anggota (Domain) | Faedah Kewangan (Indikator) | Pengurusan Ekonomi (Indikator) |
|---|---|---|---|
| 18 - 30 | Memuaskan **78.4** | Memuaskan **79.5** | Memuaskan **77.4** |
| 31 - 40 | Memuaskan **76.9** | Memuaskan **77.7** | Memuaskan **76.3** |
| 41 - 50 | Memuaskan **74.1** | Memuaskan **72.6** | Memuaskan **75.6** |
| 51 - 60 | Memuaskan **76.8** | Sangat Memuaskan **77.1** | Memuaskan **76.4** |
| 61 ke atas | Memuaskan **72.2** | Memuaskan **73.2** | Memuaskan **71.2** |

**Rajah 15:** Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Umur

# Rumusan

Secara keseluruhannya, domain Ekonomi Anggota berada pada tahap memuaskan dengan skor sekitar 75.5, namun analisis terperinci menunjukkan kewujudan jurang yang ketara merentas kluster, status pekerjaan dan negeri, dengan perbezaan sehingga melebihi 10 mata dalam beberapa kategori. Dapatan ini menunjukkan bahawa manfaat ekonomi koperasi tidak diagihkan secara seragam, di mana kumpulan yang mempunyai akses dan penglibatan lebih tinggi memperoleh manfaat yang lebih ketara. Justeru, cabaran utama bukan lagi pada peningkatan skor keseluruhan, tetapi pada pengurangan jurang dan pengoptimuman impak secara lebih inklusif dan berfokus.



IndeKA 2025

# DOMAIN KEBERKESANAN PENGURUSAN

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2025


# Domain Keberkesanan Pengurusan

Domain Ekonomi Anggota mengandungi dua indikator iaitu:

- Kompetensi Pengurusan; dan
- Kualiti Pengurusani

Secara keseluruhan, peningkatan daripada 65.4 kepada 80.1 menunjukkan lonjakan lebih 14 mata dalam tempoh tujuh tahun, dengan peningkatan yang lebih ketara berlaku dalam fasa terkini.

Kedudukan skor yang telah melepasi paras 80 mencerminkan tahap keberkesanan pengurusan yang kukuh, namun pada masa yang sama memberi isyarat bahawa peningkatan seterusnya memerlukan penambahbaikan yang lebih bersifat kualitatif berbanding kuantitatif.




**Rajah 15:** Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Domain

## Skor Item bagi Domain Keberkesanan Pengurusan

**Subdomain: Kompetensi Pengurusan**

Subdomain ini menilai keyakinan anggota terhadap kemampuan ALK dari aspek pengalaman, pengetahuan, latihan, dan integriti dalam mentadbir koperasi.

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 1 | Yakin dengan pengalaman ALK mentadbir koperasi | 80.6 |
| 2 | Percaya ALK mempunyai pengetahuan dan keupayaan membuat keputusan terbaik | 81.1 |
| 3 | Yakin ALK dengan latihan mencukupi memahami keperluan anggota | 82.1 |
| 4 | Yakin ALK berkeupayaan merancang hala tuju yang memberi manfaat | 81.2 |
| 5 | Yakin ALK mampu merancang aktiviti perniagaan memenuhi keperluan sosioekonomi | 79.9 |
| 6 | Yakin ALK berkemahiran menganalisis projek mampu meningkatkan prestasi | 81.8 |
| 7 | Yakin ALK meletakkan kepentingan koperasi mengatasi kepentingan diri | 78.4 |

### Skor Tertinggi

Item tertinggi ialah Item 3 — keyakinan bahawa ALK yang mempunyai latihan mencukupi dapat memahami keperluan anggota dengan lebih baik, dengan skor min 82.1. Dapatan ini mengandungi mesej yang kuat: anggota mengaitkan secara langsung antara latihan yang diterima ALK dengan kemampuan mereka untuk berkhidmat dengan lebih baik. Ini bermakna pelaburan dalam latihan kepimpinan koperasi bukan sahaja meningkatkan kecekapan teknikal, malah turut meningkatkan persepsi anggota terhadap kualiti kepimpinan secara keseluruhan.

Item 6 — keyakinan terhadap kemahiran ALK dalam menganalisis projek — turut mencatatkan skor yang tinggi (81.8). Ini menunjukkan bahawa anggota mengiktiraf kepentingan kemahiran analitik dalam kepimpinan koperasi, dan mereka mempunyai keyakinan bahawa ALK mereka mempunyai kemahiran tersebut. Dapatan ini memberikan asas yang kukuh untuk koperasi terus mempertingkatkan keupayaan analitik ALK, terutamanya dalam konteks persekitaran perniagaan yang semakin kompetitif.

### Skor Terendah

Item paling rendah dalam subdomain Kompetensi Pengurusan ialah Item 7 — keyakinan bahawa ALK meletakkan kepentingan koperasi mengatasi kepentingan diri mereka, dengan skor min 78.4. Walaupun skor ini masih dalam julat yang boleh diterima, ia merupakan yang paling rendah dalam subdomain ini dan membawa implikasi yang lebih dalam daripada sekadar angka.

Persepsi tentang keutamaan kepentingan organisasi berbanding kepentingan peribadi adalah antara dimensi paling halus namun paling penting dalam kepimpinan koperasi. Apabila sebilangan anggota mula meragui sama ada ALK benar-benar mengutamakan koperasi, ia boleh mencetuskan kesan domino yang melemahkan kepercayaan kolektif secara beransur-ansur. Isu ini juga mungkin tidak berpunca daripada perbuatan konkrit yang tidak beretika, tetapi boleh jadi disebabkan oleh kekurangan ketelusan dalam proses membuat keputusan, atau kurangnya komunikasi tentang rasional di sebalik sesuatu keputusan kepimpinan.

Item 5 — keyakinan bahawa ALK mampu merancang aktiviti perniagaan yang memenuhi keperluan sosioekonomi anggota — juga mencatatkan skor yang lebih rendah (79.9) berbanding item-item berkaitan kemahiran teknikal. Ini menggambarkan bahawa walaupun anggota yakin dengan kompetensi teknikal ALK, mereka masih meragui sama ada kompetensi tersebut benar-benar diterjemahkan kepada aktiviti perniagaan yang relevan dengan keperluan mereka.

### Saranan

- Perkuatkan kod etika kepimpinan ALK dengan memasukkan elemen integriti dan akauntabiliti sebagai komponen penilaian prestasi ALK yang formal.
- Wujudkan sesi dialog terbuka secara berkala antara ALK dan anggota bagi membina keyakinan melalui komunikasi yang telus tentang keputusan dan hala tuju koperasi.
- Dedahkan laporan aktiviti dan pencapaian ALK secara berkala kepada semua anggota, bukan hanya dalam MAT, bagi menggambarkan komitmen kepimpinan secara berterusan.
- Libatkan anggota dalam proses perancangan strategik koperasi agar aktiviti perniagaan yang dirancang benar-benar mencerminkan keperluan sebenar anggota.

**Subdomain: Kualiti Pengurusan**

Subdomain Kualiti Pengurusan menilai kepuasan anggota terhadap perkhidmatan pengurusan, responsif kepada cadangan, dan hala tuju keseluruhan koperasi.

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 8 | Berpuas hati dengan penyampaian perkhidmatan pengurusan | 80.2 |
| 9 | Berpuas hati dengan ketepatan maklum balas daripada pihak koperasi | 80.1 |
| 10 | Koperasi memberikan layanan adil tanpa diskriminasi | 81.2 |
| 11 | Kualiti pengurusan menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa | 80.8 |
| 12 | Koperasi mempunyai hala tuju jelas meningkatkan kesejahteraan anggota | 78.0 |
| 13 | Berpuas hati dengan usaha koperasi melaksanakan program bermanfaat | 76.9 |
| 14 | Pengurusan koperasi memudahkan urusan anggota | 80.8 |
| 15 | Berpuas hati akan tindakan koperasi berhubung cadangan anggota | 78.8 |

### Skor Tertinggi

Item 10 — koperasi memberikan layanan adil tanpa diskriminasi kepada semua anggota — mencatatkan skor tertinggi dalam subdomain ini (81.2), bersama Item 11 dan 14 yang turut berada pada tahap yang baik. Dapatan ini menggambarkan bahawa sistem penyampaian perkhidmatan koperasi telah berjaya menerapkan prinsip keadilan dan inklusiviti dalam interaksi harian mereka dengan anggota. Ini merupakan pencapaian yang perlu diiktiraf kerana keadilan layanan adalah asas kepada kepercayaan institusi.

Item 14 — pengurusan koperasi memudahkan urusan anggota — mencatatkan skor 80.8, turut menggambarkan bahawa sistem dan proses yang ada secara umumnya telah mengurangkan bebanan birokrasi kepada anggota. Kemudahan urusan adalah salah satu nilai tambah utama keanggotaan koperasi, dan skor yang baik ini menunjukkan bahawa koperasi sedang berada pada landasan yang betul.

### Skor Terendah

Item yang mencatatkan skor terendah dalam subdomain ini ialah Item 13 — kepuasan terhadap usaha koperasi dalam melaksanakan program yang memberi manfaat kepada anggota, dengan skor min 76.9. Skor ini adalah yang paling rendah dalam keseluruhan Domain Keberkesanan Pengurusan. Ia menggambarkan bahawa walaupun pengurusan harian dinilai baik, pelaksanaan program yang benar-benar berimpak kepada kehidupan anggota masih dilihat lemah atau tidak mencukupi.

Jurang antara kualiti pengurusan harian (skor tinggi) dengan keberkesanan program (skor rendah) ini menunjukkan masalah yang lebih struktural — kemungkinan besar koperasi lebih memfokuskan sumber kepada operasi rutin berbanding merancang dan melaksanakan program strategik yang bermakna kepada anggota. Program yang ada mungkin juga terlalu umum dan tidak direka bentuk berdasarkan keperluan spesifik anggota.

Item 12 — koperasi mempunyai hala tuju yang jelas dalam meningkatkan kesejahteraan anggota — turut mencatatkan skor yang agak rendah (78.0). Ini mencadangkan bahawa visi dan strategi jangka panjang koperasi tidak dikomunikasikan dengan berkesan kepada anggota, atau anggota tidak merasai kejelasan tentang ke mana arah koperasi mereka akan pergi. Ketidakjelasan hala tuju boleh melemahkan motivasi anggota untuk terus melibatkan diri secara aktif.


### Saranan

- Bangunkan Pelan Strategik Koperasi yang dikongsi secara terbuka kepada semua anggota, memuatkan matlamat jangka pendek, pertengahan, dan panjang yang boleh diukur pencapaiannya.
- Rancang program anggota yang berasaskan data keperluan sebenar, dan tetapkan petunjuk prestasi (KPI) yang jelas bagi setiap program yang dilaksanakan.
- Sediakan laporan kemajuan program secara berkala kepada anggota agar mereka dapat menjejak impak program terhadap kehidupan mereka.
- Tubuhkan Jawatankuasa Program Anggota yang melibatkan wakil dari pelbagai latar belakang anggota bagi memastikan kepelbagaian keperluan diwakili dalam perancangan program.

## Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Kluster

Perbezaan sekitar 2 hingga 3 mata antara koperasi besar (82.4) dan kluster lain yang berada hampir kepada 80 menunjukkan bahawa keberkesanan pengurusan adalah relatif konsisten merentas semua skala koperasi.

Walaupun koperasi besar mencatat skor tertinggi, jurang yang kecil ini menunjukkan bahawa amalan pengurusan asas telah dilaksanakan secara meluas, namun ruang penambahbaikan masih wujud dari segi pengoptimuman dan pemantapan sistem pengurusan.




**Rajah 16:** Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Kluster

## Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Mengikut Status Pekerjaan

Perbezaan hampir 6 mata antara pekerja koperasi (83.6) dan tidak bekerja/ pesara (77.9) menunjukkan bahawa tahap pendedahan kepada sistem pengurusan koperasi memberi kesan langsung terhadap persepsi keberkesanan pengurusan. Kumpulan dengan struktur pekerjaan yang lebih formal seperti penjawat awam (81.7) turut mencatat skor tinggi, mencerminkan kecenderungan untuk menilai aspek tadbir urus dan kecekapan secara lebih positif. Sebaliknya, kumpulan bekerja sendiri (79.2) dan suri rumah (78.5) berada pada tahap lebih sederhana, menunjukkan bahawa tahap interaksi dan kefahaman terhadap operasi pengurusan koperasi mempengaruhi penilaian yang diberikan.

| Status Pekerjaan | Keberkesanan Pengurusan<br>Domain | Kompetensi Pengurusan<br>Indikator | Kualiti Pengurusan<br>Indikator |
|---|---|---|---|
| **Penjawat Awam** | Sangat Memuaskan **81.7** | Sangat Memuaskan **82.4** | Sangat Memuaskan **81.0** |
| **Pekerja Swasta** | Sangat Memuaskan **80.3** | Sangat Memuaskan **80.9** | Memuaskan **79.7** |
| **Bekerja Sendiri** | Memuaskan **79.2** | Memuaskan **78.6** | Memuaskan **79.8** |
| **Pekerja Koperasi** | Sangat Memuaskan **83.6** | Sangat Memuaskan **84.5** | Sangat Memuaskan **82.7** |
| **Suri Rumah** | Memuaskan **78.5** | Memuaskan **78.9** | Memuaskan **78.1** |
| **Pelajar** | Memuaskan **79.6** | Sangat Memuaskan **80.1** | Memuaskan **79.1** |
| **Tidak Bekerja/ pesara** | Memuaskan **77.9** | Memuaskan **78.2** | Memuaskan **77.6** |

**Rajah 17:** Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Status Pekerjaan

## Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Mengikut Negeri

Variasi antara negeri adalah sederhana dengan jurang sekitar 9 mata antara Sabah (85.8) dan Kedah (76.5), menunjukkan perbezaan tahap keberkesanan pelaksanaan pengurusan di peringkat wilayah. Negeri dengan skor melebihi 83 seperti Sabah dan Melaka (84.5) mencerminkan tahap pengurusan yang lebih matang, manakala negeri yang berada di bawah 79 menunjukkan keperluan untuk memperkukuh aspek pelaksanaan dan konsistensi pengurusan.




**Rajah 18:** Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Negeri

## Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota

Anggota baharu (<2 tahun) mencatat skor tertinggi sekitar 83.3, manakala skor menurun kepada sekitar 78.9 dalam kumpulan 6 hingga 10 tahun, menunjukkan kemungkinan penurunan persepsi positif selepas tempoh awal keanggotaan. Walaupun terdapat peningkatan semula dalam kumpulan 16 hingga 20 tahun (81.6), pola keseluruhan menunjukkan bahawa persepsi terhadap keberkesanan pengurusan tidak meningkat secara linear, sebaliknya dipengaruhi oleh tahap engagement berterusan dan pengalaman anggota.

| Tempoh Menjadi Anggota | Keberkesanan Pengurusan (Domain) | Kompetensi Pengurusan (Indikator) | Kualiti Pengurusan (Indikator) |
|---|---|---|---|
| < 2 Tahun | Sangat Memuaskan 83.3 | Sangat Memuaskan 83.4 | Sangat Memuaskan 83.2 |
| 2 – 5 Tahun | Sangat Memuaskan 80.5 | Sangat Memuaskan 81.4 | Memuaskan 79.6 |
| 6 – 10 Tahun | Memuaskan 78.9 | Sangat Memuaskan 80.4 | Memuaskan 77.7 |
| 11 – 15 Tahun | Memuaskan 79.4 | Sangat Memuaskan 80.2 | Memuaskan 78.7 |
| 16 – 20 Tahun | Sangat Memuaskan 81.6 | Sangat Memuaskan 81.9 | Sangat Memuaskan 81.4 |
| > 20 Tahun | Memuaskan 79.1 | Memuaskan 78.9 | Memuaskan 79.3 |

**Rajah 19:** Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota

## Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Umur

Kumpulan umur 18 hingga 30 tahun mencatat skor tertinggi sekitar 82.1 berbanding 61 tahun ke atas sekitar 78.4, dengan jurang hampir 4 mata menunjukkan perbezaan sederhana dalam persepsi terhadap keberkesanan pengurusan. Kumpulan umur pertengahan (31 hingga 60 tahun) menunjukkan kestabilan dalam julat 80 hingga 82, mencerminkan tahap keyakinan yang konsisten terhadap keupayaan pengurusan koperasi.

| Umur | Keberkesanan Pengurusan<br>Domain | Kompetensi Pengurusan<br>Indikator | Kualiti Pengurusan<br>Indikator |
|---|---|---|---|
| 18 - 30 | Sangat Memuaskan<br>**82.1** | Sangat Memuaskan<br>**82.3** | Sangat Memuaskan<br>**81.9** |
| 31 - 40 | Sangat Memuaskan<br>**81.8** | Sangat Memuaskan<br>**82.5** | Sangat Memuaskan<br>**81.3** |
| 41 - 50 | Memuaskan<br>**78.9** | Memuaskan<br>**79.3** | Memuaskan<br>**78.6** |
| 51 - 60 | Sangat Memuaskan<br>**80.6** | Sangat Memuaskan<br>**81.3** | Memuaskan<br>**79.9** |
| 61 ke atas | Memuaskan<br>**78.4** | Memuaskan<br>**79.2** | Memuaskan<br>**77.7** |

**Rajah 20:** Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Umur

# Rumusan

Domain Keberkesanan Pengurusan mencatat skor yang tinggi sekitar 80.1, menunjukkan tahap pengurusan koperasi yang secara keseluruhannya kukuh dan berfungsi dengan baik. Walau bagaimanapun, analisis merentas dimensi menunjukkan bahawa masih terdapat variasi dalam persepsi, khususnya berdasarkan tahap pendedahan, pengalaman dan lokasi. Jurang yang wujud, walaupun tidak terlalu besar, memberi isyarat bahawa cabaran utama bukan pada asas pengurusan, tetapi pada konsistensi pelaksanaan dan pengoptimuman amalan terbaik merentas semua koperasi.



IndeKA 2025



# DOMAIN
# PEMBANGUNAN KENDIRI

**INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2025**

# Domain Pembangunan Kendiri

Domain Pembangunan Kendiri mengandungi tiga indikator iaitu:

- Ilmu Berkopersi;
- Komitmen; dan
- Kemahiran

Secara keseluruhan, Peningkatan daripada 68.0 kepada 81.7 menunjukkan lonjakan lebih 13 mata dalam tempoh tujuh tahun, dengan peningkatan paling ketara berlaku antara 2018 hingga 2021 sebelum terus meningkat ke tahap melepasi 80. Kedudukan ini mencerminkan bahawa koperasi telah berjaya memperkukuh aspek pembangunan kendiri anggota secara signifikan, namun tahap semasa yang tinggi juga menunjukkan bahawa peningkatan seterusnya memerlukan pendekatan yang lebih berfokus kepada kualiti, impak dan keberkesanan berbanding sekadar penyertaan.




**Rajah 21:** Skor Domain Pembangunan Kendiri

## Skor Item bagi Domain Pembangunan Kendiri

**Subdomain: Ilmu Berkoperasi**

Subdomain ini mengukur kefahaman dan komitmen anggota terhadap prinsip, nilai, dan amalan koperasi.

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 1 | Berusaha memahami prinsip dan nilai koperasi | 83.8 |
| 2 | Mengetahui kaedah menerapkan prinsip dan nilai koperasi dalam operasi harian | 81.7 |
| 3 | Kefahaman tentang koperasi mempengaruhi penglibatan dalam aktiviti | 82.5 |
| 4 | Mengemukakan pandangan membina dalam mesyuarat agung | 79.1 |
| 5 | Berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan untuk menyumbang kepada prestasi koperasi | 79.5 |
| 6 | Menghormati amalan demokrasi dalam koperasi | 84.4 |
| 7 | Pencapaian objektif koperasi adalah penting | 85.2 |

### Skor Tertinggi

Item tertinggi ialah Item 7 — pencapaian objektif koperasi adalah penting kepada anggota — dengan skor min 85.2. Ini merupakan salah satu skor tertinggi dalam keseluruhan kajian. Dapatan ini sangat bermakna kerana ia menunjukkan bahawa anggota bukan sekadar menjadi ahli untuk mendapatkan manfaat peribadi semata-mata, malah mereka turut mengikat diri secara psikologi dengan kejayaan kolektif koperasi. Rasa pemilikan dan tanggungjawab yang tinggi ini adalah aset sosial yang paling berharga dalam sesebuah koperasi.

Item 6 — menghormati amalan demokrasi dalam koperasi (84.4) dan Item 1 — berusaha memahami prinsip dan nilai koperasi (83.8) turut mencatatkan skor yang tinggi. Ketiga-tiga item ini bersama-sama melukiskan gambar anggota yang mempunyai kesedaran koperasi yang tinggi — mereka faham apa itu koperasi, menghormati nilai-nilainya, dan mengaitkan kejayaan koperasi dengan kepentingan peribadi mereka.

### Skor Terendah

Item yang mencatatkan skor paling rendah dalam subdomain ini ialah Item 4 — mengemukakan pandangan membina dalam mesyuarat agung (79.1). Skor ini menggambarkan satu fenomena yang menarik: walaupun anggota mempunyai ilmu yang tinggi tentang koperasi dan berasa bahawa objektif koperasi adalah penting kepada mereka, mereka masih kurang aktif dalam menyuarakan pandangan secara formal dalam forum rasmi seperti MAT. Ini boleh disebabkan oleh halangan psikologi seperti rasa rendah diri, takut salah, atau tidak biasa dengan suasana formal mesyuarat.

Item 5 — berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan tentang koperasi secara proaktif (79.5) — turut mencatatkan skor yang lebih rendah. Ini menunjukkan bahawa walaupun anggota mempunyai ilmu asas yang baik, usaha pembelajaran secara kendiri dan berterusan masih belum menjadi amalan yang meluas. Dalam era digital hari ini, pembelajaran kendiri adalah lebih mudah dari sebelum ini, namun ia memerlukan galakan dan fasilitasi yang berterusan.

### Saranan

- Anjurkan bengkel pra-MAT yang mengajar anggota cara menyediakan dan menyampaikan pandangan secara berkesan dalam mesyuarat agung.
- Sediakan platform digital atau saluran e-mel untuk anggota menghantar pandangan bertulis sebelum MAT, bagi memudahkan mereka yang kurang selesa bercakap secara langsung.
- Bangunkan program pembelajaran kendiri berasaskan modul ringkas yang boleh diakses melalui aplikasi mudah alih atau portal koperasi.



**Subdomain: Komitmen**

Subdomain Komitmen mengukur sejauh mana anggota menunjukkan kesetiaan, kehadiran, dan sokongan aktif terhadap aktiviti koperasi.

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 8 | Berusaha bersama koperasi untuk mencapai objektif | 83.6 |
| 9 | Menyumbang tenaga untuk kebaikan koperasi | 81.7 |
| 10 | Hadir dalam setiap mesyuarat agung koperasi | 84.6 |
| 11 | Berusaha hadir dalam program koperasi yang dianjurkan | 78.3 |
| 12 | Mengutamakan produk dan perkhidmatan koperasi apabila diberi pilihan | 81.9 |

## Skor Tertinggi

Item tertinggi ialah Item 10 — hadir dalam setiap mesyuarat agung koperasi — dengan skor min 84.6. Kadar kehadiran dalam MAT yang tinggi ini adalah satu petanda yang sangat positif tentang semangat demokrasi dalam kalangan anggota. Kehadiran dalam MAT bukan sekadar memenuhi kewajipan formal, malah ia mencerminkan rasa tanggungjawab anggota untuk terlibat dalam proses membuat keputusan yang menentukan hala tuju koperasi mereka.

Item 8 — berusaha bersama koperasi untuk mencapai objektif (83.6) turut menggambarkan orientasi kolektif yang tinggi. Anggota bukan sekadar hadir, malah mereka juga berminat untuk berusaha bersama-sama ke arah matlamat bersama. Ini adalah ciri penting gerakan koperasi yang membezakannya daripada entiti perniagaan biasa.

## Skor Terendah

Item paling rendah dalam subdomain ini ialah Item 11 — berusaha hadir dalam program koperasi yang dianjurkan — dengan skor min 78.3. Terdapat perbezaan yang ketara antara kehadiran MAT (84.6) dengan kehadiran program (78.3). Perbezaan ini menggambarkan dua perkara: pertama, anggota melihat MAT sebagai kewajipan yang mesti dipenuhi, manakala program-program lain dianggap pilihan; kedua, program-program yang dianjurkan mungkin tidak cukup menarik atau relevan untuk mendorong penyertaan sukarela.

Jurang penglibatan ini perlu diteliti dengan serius kerana program koperasi yang dianjurkan di luar MAT sebenarnya adalah peluang utama untuk koperasi memberikan nilai tambah kepada anggota. Jika program-program ini tidak mendapat sambutan, koperasi perlu mempersoalkan semula kaitan dan kerelevanan program tersebut kepada kehidupan sebenar anggota.

**Saranan**

- Kaji semula format dan jadual program koperasi agar lebih fleksibel, mudah dihadiri, dan relevan dengan keperluan anggota semasa.
- Gunakan saluran komunikasi digital secara strategik untuk mempromosikan program jauh lebih awal dan dengan mesej yang jelas tentang manfaat konkrit yang akan diperoleh.
- Perkenalkan elemen pengiktirafan atau insentif simbolik bagi anggota yang aktif menghadiri program, bagi membina budaya penglibatan yang lebih dinamik.



**Subdomain: Kemahiran**

Subdomain Kemahiran mengukur tahap sumbangan kemahiran profesional anggota kepada pembangunan koperasi, termasuk kemahiran komunikasi dan kemampuan menilai prestasi kewangan.

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 13 | Berkongsi kepakaran dalam membangunkan perniagaan koperasi | 78.9 |
| 14 | Menggunakan kemahiran komunikasi untuk menyampaikan pandangan | 77.4 |
| 15 | Boleh menilai prestasi koperasi berdasarkan penyata kewangan | 83.2 |
| 16 | Kemahiran membantu memperkukuh keberkesanan pengurusan koperasi | 79.0 |

## Skor Tertinggi

Item tertinggi ialah Item 15 — boleh menilai prestasi koperasi berdasarkan penyata kewangan atau maklumat yang diberikan — dengan skor min 83.2. Skor yang baik ini menggambarkan bahawa anggota mempunyai tahap literasi kewangan yang memadai untuk memahami dan mentafsir laporan kewangan koperasi. Ini adalah komponen kritikal dalam tadbir urus demokratik kerana anggota yang celik kewangan mampu membuat keputusan yang lebih bermaklumat dalam MAT dan lebih berkesan sebagai mekanisme kawalan terhadap pengurusan.

## Skor Terendah

Item paling rendah ialah Item 14 — menggunakan kemahiran komunikasi untuk menyampaikan pandangan dengan berkesan dalam mesyuarat — dengan skor min 77.4. Ini merupakan skor paling rendah dalam subdomain Kemahiran dan mencerminkan halangan yang nyata kepada penyertaan demokratik yang bermakna. Anggota mungkin mempunyai pandangan dan idea yang bernas, tetapi tidak mempunyai keyakinan atau kemahiran untuk menyatakannya dengan berkesan dalam forum formal.

Penting untuk difahami bahawa kemahiran komunikasi dalam konteks mesyuarat adalah kemahiran yang boleh dipelajari dan dikembangkan. Namun demikian, ia memerlukan latihan yang berstruktur dan peluang praktikal yang mencukupi. Kekurangan kemahiran ini secara tidak langsung juga boleh menghalang anggota yang berpotensi daripada tampil untuk memegang peranan kepimpinan dalam koperasi.

Item 13 — berkongsi kepakaran dalam membangunkan perniagaan koperasi (78.9) — turut menggambarkan jurang yang sama. Anggota mungkin mempunyai kepakaran yang bernilai dalam bidang masing-masing, namun tidak ada mekanisme yang berkesan untuk koperasi mengenal pasti, memanfaatkan, dan mengintegrasikan kepakaran tersebut ke dalam operasi koperasi.


**Saranan**

- Adakan bengkel kemahiran komunikasi awam yang direka khusus untuk konteks mesyuarat koperasi, merangkumi cara menyatakan pandangan, cara bertanya soalan, dan cara berdebat secara berhemah.
- Wujudkan pangkalan data kepakaran anggota (*member skill registry)* agar koperasi dapat mengenal pasti dan memanfaatkan kemahiran anggota secara lebih sistematik.
- Galakkan anggota yang berkelayakan untuk terlibat dalam jawatankuasa kecil atau kumpulan kerja koperasi sebagai platform menyumbangkan kepakaran mereka secara praktikal.



## Skor Domain Pembangunan Kendiri Mengikut Kluster

Perbezaan sekitar 2.5 mata antara koperasi besar (83.5) dan mikro (81.0) menunjukkan bahawa pembangunan kendiri anggota berlaku secara relatif konsisten merentas semua kluster. Walaupun koperasi besar mencatat skor tertinggi, jurang yang kecil ini menunjukkan bahawa akses kepada pembelajaran dan pembangunan kendiri telah diperluaskan secara meluas. Namun, perbezaan ini tetap memberi isyarat bahawa koperasi berskala lebih besar mempunyai kelebihan dari segi penyediaan peluang pembangunan yang lebih tersusun dan berimpak.




**Rajah 16:** Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Kluster

## Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Status Pekerjaan

Perbezaan hampir 6 mata antara pekerja koperasi (84.6) dan tidak bekerja/ pesara (78.9) menunjukkan bahawa tahap keterlibatan langsung dalam ekosistem koperasi memberi kesan signifikan terhadap pembangunan kendiri anggota. Kumpulan dengan akses berstruktur seperti penjawat awam (82.9) turut mencatat skor tinggi, mencerminkan keupayaan mereka untuk memanfaatkan peluang pembelajaran dan pembangunan yang disediakan. Sebaliknya, kumpulan bekerja sendiri (80.7) dan suri rumah (79.8) berada pada tahap lebih sederhana, menunjukkan bahawa walaupun pembangunan kendiri berlaku, ia tidak dimanfaatkan secara optimum. Pola ini menunjukkan bahawa pembangunan kendiri bukan sahaja bergantung kepada peluang yang disediakan, tetapi juga tahap akses, keterlibatan dan sokongan berterusan kepada anggota.

| Status Pekerjaan | Pembangunan Kendiri (Domain) | Ilmu Berkoperasi (Indikator) | Komitmen (Indikator) | Kemahiran (Indikator) |
|---|---|---|---|---|
| Penjawat Awam | Sangat Memuaskan 82.9 | Sangat Memuaskan 83.5 | Sangat Memuaskan 82.4 | Sangat Memuaskan 82.8 |
| Pekerja Swasta | Sangat Memuaskan 81.8 | Sangat Memuaskan 82.2 | Sangat Memuaskan 81.5 | Sangat Memuaskan 81.7 |
| Bekerja Sendiri | Sangat Memuaskan 80.7 | Sangat Memuaskan 80.9 | Sangat Memuaskan 80.3 | Sangat Memuaskan 81.0 |
| Pekerja Koperasi | Sangat Memuaskan 84.6 | Sangat Memuaskan 85.2 | Sangat Memuaskan 84.1 | Sangat Memuaskan 84.5 |
| Suri Rumah | Memuaskan 79.8 | Sangat Memuaskan 80.1 | Memuaskan 79.5 | Memuaskan 79.8 |
| Pelajar | Sangat Memuaskan 81.0 | Sangat Memuaskan 81.8 | Sangat Memuaskan 80.4 | Sangat Memuaskan 80.9 |
| Tidak Bekerja / pesara | Memuaskan 78.9 | Memuaskan 79.3 | Memuaskan 78.4 | Memuaskan 79.0 |

**Rajah 17:** Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Status Pekerjaan

## Skor Domain Pembangunan Kendiri Mengikut Negeri

Variasi antara negeri adalah sederhana dengan jurang hampir 9 mata antara Sabah (86.0) dan Johor (76.9), menunjukkan perbezaan tahap pembangunan kendiri anggota merentas wilayah. Negeri yang mencatat skor melebihi 84 seperti Sabah dan Pulau Pinang (85.2) mencerminkan tahap penglibatan dan pembangunan kapasiti yang lebih tinggi, manakala negeri yang berada di bawah 80 menunjukkan keperluan untuk memperkukuh akses kepada program pembangunan kendiri serta meningkatkan tahap penyertaan anggota secara lebih aktif.




**Rajah 24:** Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Negeri

## Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota

Anggota baharu (<2 tahun) mencatat skor tertinggi sekitar 83.3, namun skor ini menurun kepada sekitar 78.9 dalam kumpulan 6 hingga 10 tahun, menunjukkan bahawa momentum pembangunan kendiri mungkin berkurangan selepas fasa awal keanggotaan. Walaupun terdapat peningkatan semula dalam kumpulan 16 hingga 20 tahun (81.6), pola ini menunjukkan bahawa pembangunan kendiri tidak berlaku secara konsisten sepanjang tempoh keanggotaan, sebaliknya bergantung kepada tahap penglibatan berterusan dan peluang pembangunan yang diterima.

| Tempoh Menjadi Anggota | Pembangunan Kendiri (Domain) | Ilmu Berkoperasi (Indikator) | Komitmen (Indikator) | Kemahiran (Indikator) |
|---|---|---|---|---|
| < 2 Tahun | Sangat Memuaskan **83.3** | Sangat Memuaskan **83.4** | Sangat Memuaskan **83.2** | Sangat Memuaskan **81.9** |
| 2 – 5 Tahun | Sangat Memuaskan **80.5** | Sangat Memuaskan **81.4** | Memuaskan **79.6** | Memuaskan **78.6** |
| 6 – 10 Tahun | Memuaskan **78.9** | Sangat Memuaskan **80.4** | Memuaskan **77.7** | Memuaskan **79.0** |
| 11 – 15 Tahun | Memuaskan **79.4** | Sangat Memuaskan **80.2** | Memuaskan **78.7** | Memuaskan **76.8** |
| 16 – 20 Tahun | Sangat Memuaskan **81.6** | Sangat Memuaskan **81.9** | Sangat Memuaskan **81.4** | Sangat Memuaskan **83.7** |
| > 20 Tahun | Memuaskan **79.1** | Memuaskan **78.9** | Memuaskan **79.3** | Memuaskan **78.7** |

**Rajah 25:** Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota

## Skor Domain Pembangunan Kendiri Mengikut Umur

Perbezaan skor merentas kumpulan umur adalah relatif kecil, dalam julat sekitar 81.0 hingga 82.8, menunjukkan bahawa pembangunan kendiri anggota berlaku secara konsisten merentas semua peringkat umur. Walau bagaimanapun, kumpulan 51 hingga 60 tahun mencatat skor tertinggi (82.8), berbanding kumpulan 41 hingga 50 tahun yang berada pada tahap paling rendah (81.0), mencerminkan jurang kecil hampir 2 mata. Dari segi indikator, kumpulan lebih berusia menunjukkan kekuatan dalam aspek komitmen dan ilmu berkoperasi, manakala aspek kemahiran kekal lebih rendah secara relatif merentas semua kumpulan umur, dengan skor sekitar 78 hingga 80. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun tahap pembangunan kendiri adalah stabil, ia tidak berkembang secara signifikan mengikut umur, sebaliknya lebih dipengaruhi oleh pengalaman dan tahap penglibatan anggota berbanding faktor usia semata-mata.

| Umur | Pembangunan Kendiri<br>Domain | Ilmu Berkoperasi<br>Indikator | Komitmen<br>Indikator | Kemahiran<br>Indikator |
|---|---|---|---|---|
| 18 - 30 | Sangat Memuaskan **81.4** | Sangat Memuaskan **81.5** | Sangat Memuaskan **82.2** | Sangat Memuaskan **80.0** |
| 31 - 40 | Sangat Memuaskan **81.5** | Sangat Memuaskan **81.9** | Sangat Memuaskan **81.5** | Memuaskan **79.6** |
| 41 - 50 | Sangat Memuaskan **81.0** | Sangat Memuaskan **81.8** | Sangat Memuaskan **81.1** | Memuaskan **78.8** |
| 51 - 60 | Sangat Memuaskan **82.8** | Sangat Memuaskan **83.5** | Sangat Memuaskan **83.2** | Sangat Memuaskan **80.2** |
| 61 ke atas | Sangat Memuaskan **81.3** | Sangat Memuaskan **81.2** | Sangat Memuaskan **82.1** | Sangat Memuaskan **80.1** |

**Rajah 26:** Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Umur

# Rumusan

Domain Pembangunan Kendiri mencatat skor tinggi sekitar 81.7, menunjukkan bahawa koperasi berjaya menyediakan platform pembangunan yang berkesan kepada anggota. Walau bagaimanapun, analisis merentas status pekerjaan, umur dan tempoh keanggotaan menunjukkan bahawa pembangunan kendiri tidak berlaku secara seragam, dengan jurang sehingga hampir 6 mata antara kumpulan tertentu. Dapatan ini menunjukkan bahawa cabaran utama bukan lagi pada penyediaan peluang pembangunan, tetapi pada memastikan akses, keterlibatan dan keberkesanan pembangunan tersebut dapat dioptimumkan secara lebih menyeluruh dan berterusan.



IndeKA 2025

# DOMAIN
# TADBIR URUS & KAWAL SELIA

**INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2025**

# Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia

Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia mengandungi tiga indikator iaitu:

- Keberkesanan Lembaga Koperasi;
- Pengawasan Pengurusan; dan
- Ketelusan dan Integriti.

Secara keseluruhan, peningkatan daripada 72.9 kepada 81.4 menunjukkan lonjakan lebih 8 mata dalam tempoh tujuh tahun, dengan pencapaian yang kini melepasi paras 80 mencerminkan tahap tadbir urus yang kukuh. Walau bagaimanapun, kedudukan ini juga menunjukkan bahawa koperasi telah mencapai tahap kematangan tertentu, di mana peningkatan seterusnya tidak lagi bergantung kepada penambahbaikan asas, tetapi memerlukan pengukuhan dari segi konsistensi pelaksanaan, integriti dan akauntabiliti.




**Rajah 27:** Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia

## Skor Item bagi Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia

**Subdomain: Kawal Selia dan Tadbir Urus**

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 1 | ALK menetapkan dasar dan hala tuju koperasi yang jelas | 80.5 |
| 2 | ALK mengutamakan kepentingan anggota dalam menetapkan dasar dan polisi | 80.2 |
| 3 | Percaya ALK mengamalkan prinsip koperasi dengan berkesan | 80.9 |
| 4 | Percaya ALK mentadbir hal ehwal koperasi secara bertanggungjawab | 81.6 |
| 5 | Percaya ALK mematuhi perundangan yang telah ditetapkan | 81.8 |
| 6 | Koperasi mempunyai kapasiti pengurusan yang mencukupi | 79.4 |

### Skor Tertinggi

Item tertinggi ialah Item 5 — kepercayaan bahawa ALK mematuhi perundangan yang telah ditetapkan — dengan skor min 81.8. Skor ini mencerminkan legitimasi institusi yang kukuh dalam pandangan anggota. Pematuhan perundangan adalah asas minimum tadbir urus yang baik, dan keyakinan anggota terhadap perkara ini menunjukkan bahawa koperasi beroperasi dalam lingkungan perundangan yang dihormati.

Item 4 — ALK mentadbir hal ehwal koperasi secara bertanggungjawab (81.6) turut mencerminkan persepsi positif terhadap akauntabiliti kepimpinan. Gabungan antara pematuhan perundangan dan pengurusan yang bertanggungjawab membentuk asas kepercayaan institusi yang penting bagi kelangsungan koperasi.

### Skor Terendah

Item yang mencatatkan skor paling rendah dalam subdomain ini ialah Item 6 — persepsi bahawa koperasi mempunyai kapasiti pengurusan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan anggota — dengan skor min 79.4. Walaupun perbezaan antara item tertinggi dan terendah dalam subdomain ini tidak terlalu besar, skor 79.4 ini masih membawa implikasi yang penting.

Kapasiti pengurusan yang tidak mencukupi boleh menjelaskan mengapa skor dalam Domain Ekonomi Anggota lebih rendah — walaupun tadbir urus dinilai baik dari segi integriti dan pematuhan, koperasi mungkin tidak mempunyai kapasiti sumber manusia atau kepakaran teknikal yang mencukupi untuk merancang dan melaksanakan program ekonomi yang berimpak tinggi kepada anggota. Ini adalah masalah kapasiti, bukan integriti.

**Saranan**

- Lakukan penilaian kapasiti pengurusan secara holistik untuk mengenal pasti jurang dalam sumber manusia, kemahiran teknikal, dan keupayaan operasi.
- Pertimbangkan penglibatan pakar luar atau perkongsian strategik dengan institusi lain bagi mengisi jurang kapasiti yang tidak dapat dipenuhi secara dalaman.
- Pertingkatkan program pembangunan kapasiti kakitangan dan ALK secara berterusan, terutamanya dalam bidang pengurusan kewangan, analisis projek, dan kepimpinan strategik.



**Subdomain: Pengawasan Pengurusan**

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 7 | ALK menasihati pihak pengurusan dalam mencapai matlamat | 82.1 |
| 8 | ALK menilai keberkesanan pihak pengurusan dalam mencapai matlamat | 81.6 |
| 9 | ALK memastikan pengurusan melaksanakan keputusan yang dipersetujui | 82.1 |
| 10 | Yakin bahawa ALK melantik Pengurus yang kompeten | 81.0 |

### Skor Tertinggi

Item 7 dan Item 9 berkongsi skor tertinggi 82.1 — masing-masing berkaitan dengan ALK yang menasihati pihak pengurusan dalam mencapai matlamat, dan ALK yang memastikan pengurusan melaksanakan keputusan yang telah dipersetujui. Kedua-dua dapatan ini menggambarkan sistem *check-and-balance* yang berfungsi dengan baik antara ALK dan pihak pengurusan. Anggota yakin bahawa ALK bukan sekadar badan penggubal dasar, malah aktif dalam memastikan keputusan dilaksanakan.

### Skor Terendah

Item paling rendah ialah Item 10 — keyakinan bahawa ALK melantik Pengurus yang kompeten — dengan skor min 81.0. Walaupun perbezaan skor tidak besar, isu pelantikan pengurus adalah antara yang paling sensitif dalam tadbir urus koperasi kerana pengurus yang kompeten adalah penentu utama kejayaan operasi harian. Persepsi yang kurang yakin terhadap proses pelantikan ini boleh berpunca daripada kurangnya ketelusan dalam kriteria dan proses pemilihan, atau daripada pengalaman lampau dengan pengurus yang tidak memenuhi harapan anggota.

**Saranan**

- Dedahkan kriteria kelayakan dan proses pelantikan pengurus secara terbuka kepada anggota, termasuk laluan kerjaya dan tempoh kontrak.
- Sertakan laporan pencapaian dan prestasi pengurus dalam laporan tahunan yang dikongsi kepada semua anggota.
- Pertimbangkan mekanisme maklum balas anggota sebagai input dalam penilaian prestasi Pengurus secara berkala.



**Subdomain: Ketelusan dan Integriti**

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 11 | Koperasi melaksanakan pengauditan mengikut tempoh yang ditetapkan | 83.0 |
| 12 | Yakin koperasi menetapkan polisi perniagaan bertepatkan perundangan | 81.5 |
| 13 | Berpuas hati dengan cara juruaudit dalaman melaksanakan tugas | 80.5 |
| 14 | Percaya ALK mengambil tindakan ke atas laporan pengauditan | 80.9 |
| 15 | Percaya Laporan Lembaga Koperasi yang dibentangkan dalam MAT | 82.9 |
| 16 | Yakin Laporan Kewangan Koperasi adalah maklumat yang boleh dipercayai | 83.6 |
| 17 | Yakin koperasi berkongsi maklumat laporan tahunan sebelum MAT | 82.6 |
| 18 | Anggota diberi saluran untuk melaporkan salah laku secara selamat | 80.3 |
| 19 | Yakin koperasi mengutamakan keselamatan maklumat peribadi dalam urusan digital | 81.9 |

## Skor Tertinggi

Item tertinggi ialah Item 16 — keyakinan terhadap kebolehpercayaan Laporan Kewangan Koperasi yang dibentangkan — dengan skor min 83.6. Ini diikuti oleh Item 17 — keyakinan bahawa koperasi berkongsi maklumat laporan tahunan sebelum MAT (82.6) dan Item 15 — kepercayaan terhadap Laporan Lembaga Koperasi (82.9). Gabungan tiga item berkaitan pelaporan yang mencatatkan skor tinggi ini menggambarkan tahap kepercayaan yang kukuh terhadap integriti maklumat kewangan dan korporat yang dikemukakan oleh koperasi.

Kepercayaan terhadap laporan kewangan adalah tonggak utama akauntabiliti koperasi. Apabila anggota yakin dengan data yang dikemukakan, proses pengambilan keputusan dalam MAT menjadi lebih bermakna dan berasaskan fakta.

### Skor Terendah

Item paling rendah ialah Item 13 — kepuasan terhadap cara juruaudit dalaman melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab — dengan skor min 80.5. Walaupun skor ini masih berada dalam julat yang baik, ia menggambarkan bahawa mekanisme pengauditan dalaman masih kurang difahami atau tidak cukup kelihatan kesannya kepada anggota. Kemungkinan besar anggota tidak mengetahui dengan jelas fungsi sebenar juruaudit dalaman, atau mereka meragui kebebasan juruaudit dalaman daripada pengaruh pengurusan.

Item 18 — anggota diberi saluran untuk melaporkan salah laku secara selamat (80.3) — turut memerlukan perhatian. Mekanisme aduan yang selamat adalah komponen kritikal dalam sistem integriti organisasi. Skor yang sederhana ini menunjukkan bahawa sama ada saluran tersebut tidak mencukupi, tidak diketahui umum, atau tidak dipercayai akan melindungi pengadu daripada tindakan balas.


### Saranan

- Kongsikan laporan ringkasan audit dalaman kepada semua anggota, bukan hanya kepada pihak pengurusan, bagi memperlihatkan fungsi dan dapatan audit secara lebih telus.
- Pastikan juruaudit dalaman dilantik secara bebas dan mempunyai akses langsung kepada ALK tanpa melalui pihak pengurusan.
- Perkenalkan mekanisme aduan digital yang mudah diakses, rahsia, dan mempunyai tempoh maklum balas yang jelas kepada pengadu.



## Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Mengikut Kluster

Perbezaan sekitar 2 hingga 3 mata antara koperasi besar (83.5) dan mikro (80.9) menunjukkan bahawa tahap tadbir urus dan kawal selia adalah relatif stabil merentas semua kluster. Walaupun koperasi besar mencatat skor tertinggi, jurang yang kecil ini menunjukkan bahawa amalan tadbir urus asas telah dilaksanakan secara meluas. Namun, kelebihan koperasi berskala besar tetap jelas dari segi pengukuhan sistem, struktur pengawasan dan tahap formaliti dalam pelaksanaan.




**Rajah 28:** Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Kluster

## Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Mengikut Status Pekerjaan

Jurang sekitar 2 hingga 3 mata antara kumpulan tertinggi seperti pekerja koperasi dan penjawat awam (sekitar 81.0) berbanding kumpulan tidak bekerja/pesara (78.6) menunjukkan bahawa persepsi terhadap tadbir urus dan kawal selia adalah relatif konsisten merentas status pekerjaan. Walau bagaimanapun, kumpulan yang mempunyai pendedahan lebih langsung kepada struktur organisasi menunjukkan tahap keyakinan yang sedikit lebih tinggi terhadap aspek keberkesanan lembaga dan ketelusan. Perbezaan yang kecil ini memberi isyarat bahawa kekuatan tadbir urus koperasi telah dirasai secara meluas, namun masih terdapat ruang untuk meningkatkan kefahaman dan keyakinan dalam kalangan kumpulan yang kurang terlibat secara langsung.

| Status Pekerjaan | Tadbir Urus dan Kawal Selia (Domain) | Keberkesanan Lembaga Koperasi (Indikator) | Pengawasan Pengurusan (Indikator) | Ketelusan dan Integriti (Indikator) |
|---|---|---|---|---|
| Penjawat Awam | Sangat Memuaskan 80.9 | Sangat Memuaskan 81.2 | Sangat Memuaskan 80.7 | Sangat Memuaskan 80.8 |
| Pekerja Swasta | Sangat Memuaskan 80.3 | Sangat Memuaskan 80.6 | Sangat Memuaskan 80.1 | Sangat Memuaskan 80.2 |
| Bekerja Sendiri | Memuaskan 79.5 | Memuaskan 79.2 | Memuaskan 79.8 | Memuaskan 79.6 |
| Pekerja Koperasi | Sangat Memuaskan 81.0 | Sangat Memuaskan 81.0 | Sangat Memuaskan 81.2 | Sangat Memuaskan 80.8 |
| Suri Rumah | Memuaskan 79.0 | Memuaskan 78.8 | Memuaskan 79.3 | Memuaskan 78.9 |
| Pelajar | Sangat Memuaskan 79.8 | Sangat Memuaskan 80.1 | Sangat Memuaskan 79.6 | Sangat Memuaskan 79.7 |
| Tidak Bekerja/ pesara | Memuaskan 78.6 | Memuaskan 78.2 | Memuaskan 79.0 | Memuaskan 78.5 |

**Rajah 29:** Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Status Pekerjaan

## Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Mengikut Negeri

Variasi antara negeri adalah sederhana dengan jurang hampir 10 mata antara Sabah (88.5) dan Kedah (78.7), menunjukkan perbezaan ketara dalam tahap pengukuhan tadbir urus dan kawal selia merentas wilayah. Negeri yang mencatat skor melebihi 85 seperti Sabah dan Melaka (85.2) mencerminkan tahap keyakinan yang lebih tinggi terhadap keberkesanan lembaga dan integriti pengurusan. Sebaliknya, negeri yang berada di bawah 80 menunjukkan keperluan untuk memperkukuh aspek ketelusan, pengawasan dan konsistensi pelaksanaan tadbir urus.




**Rajah 30:** Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Negeri

## Skor Domain Tadbir Urus Dan Kawal Selia Mengikut Tempoh Menjadi Anggota

Skor merentas tempoh keanggotaan menunjukkan variasi kecil dalam julat sekitar 80.5 hingga 82.1, tanpa pola peningkatan yang jelas mengikut tempoh. Kumpulan 2 hingga 5 tahun dan 16 hingga 20 tahun mencatat skor sedikit lebih tinggi (sekitar 82), manakala kumpulan 6 hingga 10 tahun berada pada tahap lebih rendah sekitar 80.5. Corak ini menunjukkan bahawa persepsi terhadap tadbir urus tidak meningkat secara linear dengan tempoh keanggotaan, sebaliknya lebih dipengaruhi oleh tahap pengalaman dan keterlibatan anggota dalam proses pengurusan koperasi.

| Tempoh Menjadi Anggota | Tadbir Urus dan Kawal Selia<br>Domain | Keberkesanan Lembaga Koperasi<br>Indikator | Pengawasan Pengurusan<br>Indikator | Ketelusan dan Integriti<br>Indikator |
|---|---|---|---|---|
| < 2 Tahun | Sangat Memuaskan **81.9** | Sangat Memuaskan **81.9** | Sangat Memuaskan **81.9** | Sangat Memuaskan **82.2** |
| 2 – 5 Tahun | Sangat Memuaskan **82.1** | Sangat Memuaskan **81.1** | Sangat Memuaskan **82.1** | Sangat Memuaskan **82.9** |
| 6 – 10 Tahun | Sangat Memuaskan **80.5** | Memuaskan **79.6** | Sangat Memuaskan **81.7** | Sangat Memuaskan **80.7** |
| 11 – 15 Tahun | Sangat Memuaskan **80.7** | Memuaskan **79.7** | Sangat Memuaskan **80.3** | Sangat Memuaskan **81.9** |
| 16 – 20 Tahun | Sangat Memuaskan **82.1** | Sangat Memuaskan **81.8** | Sangat Memuaskan **82.6** | Sangat Memuaskan **82.2** |
| > 20 Tahun | Sangat Memuaskan **81.2** | Sangat Memuaskan **80.7** | Sangat Memuaskan **81.4** | Sangat Memuaskan **81.7** |

**Rajah 31:** Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota

## Skor Domain Tadbir Urus Dan Kawal Selia Mengikut Umur

Perbezaan skor merentas kumpulan umur adalah sederhana dengan julat sekitar 79.6 hingga 83.1, menunjukkan bahawa persepsi terhadap tadbir urus adalah relatif stabil tetapi tidak sepenuhnya seragam. Kumpulan 31 hingga 40 tahun mencatat skor tertinggi (83.1), manakala kumpulan 61 tahun ke atas berada pada tahap lebih rendah (79.6), dengan jurang sekitar 3 hingga 4 mata. Dari segi indikator, variasi lebih ketara dapat dilihat dalam aspek ketelusan dan integriti, menunjukkan bahawa faktor pengalaman dan pendedahan mempengaruhi tahap keyakinan terhadap sistem pengurusan koperasi.

| Umur | Tadbir Urus dan Kawal Selia<br>Domain | Keberkesanan Lembaga Koperasi<br>Indikator | Pengawasan Pengurusan<br>Indikator | Ketelusan dan Integriti<br>Indikator |
|---|---|---|---|---|
| 18 - 30 | Sangat Memuaskan **80.1** | Memuaskan **79.8** | Sangat Memuaskan **80.6** | Sangat Memuaskan **80.2** |
| 31 - 40 | Sangat Memuaskan **83.1** | Sangat Memuaskan **81.9** | Sangat Memuaskan **82.9** | Sangat Memuaskan **84.4** |
| 41 - 50 | Memuaskan **79.9** | Memuaskan **79.4** | Sangat Memuaskan **80.6** | Sangat Memuaskan **80.3** |
| 51 - 60 | Sangat Memuaskan **82.5** | Sangat Memuaskan **81.6** | Sangat Memuaskan **83.2** | Sangat Memuaskan **82.9** |
| 61 ke atas | Memuaskan **79.6** | Sangat Memuaskan **80.0** | Memuaskan **78.9** | Memuaskan **79.9** |

**Rajah 32:** Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Umur

# Rumusan

Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia mencatat skor tinggi sekitar 81.4, menunjukkan bahawa koperasi secara keseluruhannya telah mencapai tahap pengurusan yang kukuh dan berfungsi dengan baik. Walau bagaimanapun, analisis merentas negeri, status pekerjaan dan demografi menunjukkan bahawa masih wujud variasi dalam tahap keyakinan anggota, khususnya dalam aspek ketelusan dan pengawasan. Jurang yang sederhana ini memberi isyarat bahawa cabaran utama bukan lagi pada pembinaan struktur tadbir urus, tetapi pada memastikan konsistensi pelaksanaan, pengukuhan integriti dan peningkatan tahap kepercayaan anggota secara berterusan merentas semua koperasi.



IndeKA 2025

# DOMAIN HUBUNGAN SOSIAL

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2025

# Domain Hubungan Sosial

Domain Hubungan Sosial mengandungi dua indikator iaitu:

- Rangkaian Sosial; dan
- Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi

Secara keseluruhan, peningkatan daripada 72.6 kepada 82.5 menunjukkan lonjakan hampir 10 mata dalam tempoh tujuh tahun, dengan skor kini melepasi paras 80 yang mencerminkan tahap hubungan sosial yang kukuh dalam kalangan anggota koperasi. Walau bagaimanapun, kedudukan ini juga menunjukkan bahawa pembangunan hubungan sosial telah mencapai tahap stabil, dan peningkatan seterusnya memerlukan pengukuhan dari segi kualiti interaksi dan tahap kerjasama aktif, bukan sekadar kehadiran atau jaringan sosial semata-mata.




**Rajah 15:** Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Domain

## Min Item bagi Domain Hubungan Sosial

**Subdomain: Rangkaian Sosial**

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 1 | Hubungan sesama anggota koperasi harmoni dan saling menghormati | 84.6 |
| 2 | Hubungan profesional dengan ALK membantu meluaskan jaringan sosial | 82.4 |
| 3 | Hubungan baik antara anggota dengan pihak luar memberi manfaat kepada koperasi | 82.2 |
| 4 | Sering berinteraksi dengan anggota lain berkongsi maklumat dan pengalaman | 80.4 |
| 5 | Mempunyai komunikasi yang baik dengan pihak pengurusan koperasi | 81.7 |

### Skor Tertinggi

Item tertinggi ialah Item 1 — hubungan sesama anggota koperasi adalah harmoni dan saling menghormati — dengan skor min 84.6. Ini merupakan salah satu skor tertinggi dalam keseluruhan kajian. Keharmonian hubungan sesama anggota bukan sekadar pencapaian sosial, malah ia merupakan prasyarat penting untuk kerjasama ekonomi yang produktif. Apabila anggota saling menghormati dan mempercayai antara satu sama lain, ruang untuk kolaborasi dan perkongsian usaha menjadi lebih terbuka.

Item 2 — hubungan profesional dengan ALK membantu meluaskan jaringan sosial (82.4) dan Item 3 — hubungan baik dengan pihak luar memberi manfaat kepada koperasi (82.2) turut menggambarkan bahawa koperasi berfungsi sebagai platform jaringan sosial yang berharga, bukan sekadar organisasi ekonomi. Ini adalah dimensi yang sering diabaikan tetapi amat bernilai dalam konteks pembangunan modal sosial negara.

### Skor Terendah

Item paling rendah ialah Item 4 — sering berinteraksi dengan anggota lain untuk berkongsi maklumat dan pengalaman berkaitan koperasi — dengan skor min 80.4. Meskipun hubungan anggota dinilai harmoni dan positif, interaksi aktif yang bertujuan berkongsi ilmu dan pengalaman masih belum berlaku pada tahap yang diharapkan. Ini menunjukkan bahawa hubungan sosial yang ada lebih bersifat hubungan peribadi dan afektif, berbanding hubungan yang berorientasikan pembelajaran dan pertumbuhan bersama.

Jurang ini penting untuk ditangani kerana perkongsian pengetahuan dalam kalangan anggota adalah salah satu mekanisme pembelajaran tidak formal yang paling berkesan dalam komuniti koperasi. Anggota yang berpengalaman dalam bidang pertanian, perniagaan, atau teknologi misalnya, boleh menjadi sumber ilmu yang sangat berharga kepada anggota lain jika terdapat platform yang memudahkan pertukaran tersebut.

### Saranan

- Wujudkan komuniti pembelajaran anggota secara digital (kumpulan khusus, forum dalam aplikasi koperasi) sebagai platform berstruktur untuk berkongsi maklumat, pengalaman, dan kepakaran.
- Perkenalkan program 'Anggota Sumber' di mana anggota yang mempunyai kepakaran tertentu dijemput untuk berkongsi pengetahuan mereka dalam sesi ringkas kepada anggota lain.
- Rancang aktiviti bersama yang menggabungkan elemen sosial dan pembelajaran, seperti lawatan industri, kunjungan ke koperasi lain, atau forum anggota bertema.

**Subdomain: Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi**

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 6 | Penglibatan dalam aktiviti koperasi adalah secara sukarela | 83.2 |
| 7 | Penglibatan dalam aktiviti koperasi menyumbang kepada pembangunan komuniti | 81.5 |
| 8 | Perkongsian matlamat dalam kalangan anggota membantu koperasi mencapai objektif | 82.7 |
| 9 | Kerjasama dalam kalangan anggota mengukuhkan koperasi | 83.3 |

### Skor Tertinggi

Item tertinggi ialah Item 9 — kerjasama dalam kalangan anggota mengukuhkan koperasi — dengan skor min 83.3, diikuti oleh Item 6 — penglibatan dalam aktiviti koperasi adalah secara sukarela (83.2). Kedua-dua dapatan ini mencerminkan semangat koperasi yang sejati — penyertaan yang lahir daripada kerelaan hati dan keyakinan terhadap kekuatan kolektif, bukan daripada paksaan atau kepentingan sempit.

Semangat sukarela adalah tunggak kepada keberhasilan gerakan koperasi global. Apabila anggota menyertai kerana mereka percaya dengan tujuan bersama, bukan kerana insentif material semata-mata, ia membina organisasi yang lebih tahan lasak dan lebih bermakna dalam komuniti.

### Skor Terendah

Item paling rendah ialah Item 7 — penglibatan dalam aktiviti koperasi menyumbang kepada pembangunan komuniti koperasi — dengan skor min 81.5. Meskipun ini masih skor yang baik, terdapat ruang untuk memperkuatkan kesedaran anggota tentang impak kolektif penglibatan mereka terhadap komuniti yang lebih luas.

Fenomena ini berkemungkinan berlaku kerana impak penglibatan individu terhadap komuniti adalah sesuatu yang tidak mudah dilihat atau dirasai secara langsung. Tanpa mekanisme yang menunjukkan hubungan kausal antara tindakan individu dengan manfaat komuniti, anggota mungkin tidak menyedari sumbangan mereka yang sebenar.


**Saranan**

- Kembangkan program tanggungjawab sosial koperasi (CSR) yang melibatkan anggota secara langsung dalam projek komuniti yang memberi impak nyata dan boleh disaksikan.
- Kongsikan kisah kejayaan dan impak komuniti hasil penglibatan anggota melalui media sosial, bulletin, dan sesi berkongsi cerita dalam setiap program koperasi.
- Cipta ritual pengiktirafan komuniti yang meraikan sumbangan kolektif anggota, seperti Hari Anggota atau laporan impak tahunan yang diceritakan secara visual dan menarik.



## Skor Domain Hubungan Sosial Mengikut Kluster

Perbezaan sekitar 3 mata antara koperasi besar (84.8) dan mikro (81.7) menunjukkan bahawa hubungan sosial dalam koperasi adalah agak konsisten merentas semua kluster. Walaupun koperasi besar mencatat skor tertinggi, jurang ini menunjukkan bahawa kelebihan mereka lebih tertumpu kepada keupayaan mewujudkan jaringan sosial yang lebih luas dan aktiviti kolaboratif yang lebih aktif. Sementara itu, koperasi kecil dan mikro masih menunjukkan tahap hubungan sosial yang baik, tetapi berpotensi untuk diperkukuh dari segi intensiti kerjasama.




**Rajah 33:** Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Kluster

## Skor Domain Hubungan Sosial Mengikut Status Pekerjaan

Perbezaan sekitar 2 hingga 3 mata antara kumpulan tertinggi seperti pekerja koperasi (81.0) dan penjawat awam (80.9) berbanding kumpulan tidak bekerja/pesara (78.5) menunjukkan bahawa hubungan sosial dalam koperasi adalah relatif konsisten merentas status pekerjaan. Walau bagaimanapun, kumpulan yang mempunyai tahap keterlibatan lebih tinggi dalam aktiviti koperasi menunjukkan skor yang sedikit lebih baik dalam aspek kerjasama, khususnya dalam aktiviti kolektif. Perbezaan yang kecil ini memberi isyarat bahawa walaupun rangkaian sosial wujud secara meluas, tahap penglibatan aktif dalam kerjasama masih belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua kumpulan.

| Status Pekerjaan | Hubungan Sosial (Domain) | Rangkaian Sosial (Indikator) | Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi (Indikator) |
|---|---|---|---|
| **Penjawat Awam** | Sangat Memuaskan **80.9** | Sangat Memuaskan **80.5** | Sangat Memuaskan **81.2** |
| **Pekerja Swasta** | Sangat Memuaskan **80.2** | Sangat Memuaskan **80.0** | Sangat Memuaskan **80.5** |
| **Bekerja Sendiri** | Memuaskan **79.4** | Memuaskan **79.1** | Memuaskan **79.8** |
| **Pekerja Koperasi** | Sangat Memuaskan **81.0** | Sangat Memuaskan **80.8** | Sangat Memuaskan **81.3** |
| **Suri Rumah** | Memuaskan **79.0** | Memuaskan **78.7** | Memuaskan **79.4** |
| **Pelajar** | Memuaskan **79.8** | Memuaskan **79.5** | Sangat Memuaskan **80.2** |
| **Tidak Bekerja/ pesara** | Memuaskan **78.5** | Memuaskan **78.1** | Memuaskan **79.0** |

**Rajah 33:** Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Status Pekerjaan

## Skor Domain Hubungan Sosial Mengikut Negeri

Variasi antara negeri adalah sederhana dengan jurang sekitar 8 hingga 9 mata antara Sabah (87.9) dan Johor (79.1), menunjukkan perbezaan tahap kekuatan hubungan sosial dalam kalangan anggota koperasi merentas wilayah. Negeri yang mencatat skor melebihi 85 seperti Sabah, Melaka (85.4) dan Pulau Pinang (85.2) mencerminkan tahap jaringan sosial dan kerjasama yang lebih aktif. Sebaliknya, negeri yang berada di bawah 82 menunjukkan bahawa hubungan sosial masih wujud tetapi kurang dioptimumkan dari segi penglibatan dan aktiviti kolaboratif.




**Rajah 34:** Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Negeri

## Skor Domain Hubungan Sosial Mengikut Tempoh Menjadi Anggota

Secara keseluruhannya, tahap hubungan sosial anggota koperasi berada pada kategori sangat memuaskan bagi semua tempoh keanggotaan. Anggota dengan tempoh keanggotaan 16 hingga 20 tahun mencatatkan skor tertinggi (84.6), manakala anggota 11 hingga 15 tahun mencatatkan skor terendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa tempoh keanggotaan tidak semestinya mempengaruhi kekuatan hubungan sosial anggota koperasi. Walau bagaimanapun, tahap hubungan sosial yang tinggi merentas semua kumpulan mencerminkan hubungan interpersonal, jaringan sosial dan semangat kerjasama yang positif dalam kalangan anggota koperasi.

| Tempoh Menjadi Anggota | Hubungan Sosial (Domain) | Rangkaian Sosial (Indikator) | Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi (Indikator) |
|---|---|---|---|
| < 2 Tahun | Sangat Memuaskan 83.2 | Sangat Memuaskan 83.0 | Sangat Memuaskan 83.5 |
| 2 – 5 Tahun | Sangat Memuaskan 83.2 | Sangat Memuaskan 82.8 | Sangat Memuaskan 83.7 |
| 6 – 10 Tahun | Sangat Memuaskan 81.7 | Sangat Memuaskan 81.5 | Sangat Memuaskan 82.0 |
| 11 – 15 Tahun | Sangat Memuaskan 80.6 | Sangat Memuaskan 80.9 | Sangat Memuaskan 80.3 |
| 16 – 20 Tahun | Sangat Memuaskan 84.6 | Sangat Memuaskan 84.6 | Sangat Memuaskan 84.6 |
| > 20 Tahun | Sangat Memuaskan 81.5 | Sangat Memuaskan 81.1 | Sangat Memuaskan 81.9 |

**Rajah 35:** Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota

## Skor Domain Hubungan Sosial Mengikut Umur

Perbezaan skor merentas kumpulan umur adalah sederhana dengan julat sekitar 80.5 hingga 84.1, menunjukkan bahawa hubungan sosial adalah relatif stabil tetapi tidak sepenuhnya seragam. Kumpulan 31 hingga 40 tahun mencatat skor tertinggi (84.1), manakala kumpulan 61 tahun ke atas berada pada tahap lebih rendah (80.5), dengan jurang hampir 4 mata. Dari segi indikator, perbezaan lebih ketara dapat dilihat dalam aspek rangkaian sosial dan kerjasama, menunjukkan bahawa kumpulan umur pertengahan lebih aktif dalam membina dan memanfaatkan hubungan dalam koperasi.

| Umur | Hubungan Sosial<br>Domain | Rangkaian Sosial<br>Indikator | Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi<br>Indikator |
|---|---|---|---|
| 18 - 30 | Sangat Memuaskan<br>**81.5** | Memuaskan<br>**79.9** | Sangat Memuaskan<br>**83.4** |
| 31 - 40 | Sangat Memuaskan<br>**84.1** | Sangat Memuaskan<br>**84.1** | Sangat Memuaskan<br>**84.2** |
| 41 - 50 | Sangat Memuaskan<br>**82.2** | Sangat Memuaskan<br>**82.1** | Sangat Memuaskan<br>**82.4** |
| 51 - 60 | Sangat Memuaskan<br>**82.5** | Sangat Memuaskan<br>**82.4** | Sangat Memuaskan<br>**82.6** |
| 61 ke atas | Sangat Memuaskan<br>**80.5** | Sangat Memuaskan<br>**80.3** | Sangat Memuaskan<br>**80.7** |

**Rajah 36:** Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Umur

# Rumusan

Domain Hubungan Sosial mencatat skor tinggi sekitar 81.4, menunjukkan bahawa koperasi secara keseluruhannya telah mencapai tahap pengurusan yang kukuh dan berfungsi dengan baik. Walau bagaimanapun, analisis merentas negeri, status pekerjaan dan demogra i menunjukkan bahawa masih wujud variasi dalam tahap keyakinan anggota, khususnya dalam aspek ketelusan dan pengawasan. Jurang yang sederhana ini memberi isyarat bahawa cabaran utama bukan lagi pada pembinaan struktur tadbir urus, tetapi pada memastikan konsistensi pelaksanaan, pengukuhan integriti dan peningkatan tahap kepercayaan anggota secara berterusan merentas semua koperasi.



IndeKA 2025



# DOMAIN PENGGUNAAN TEKNOLOGI


INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2025

# Domain Penggunaan Teknologi

Domain Penggunaan Teknologi mengandungi dua indikator iaitu:

- Penerimaan Teknologi; dan
- Aplikasi.

Secara keseluruhan, peningkatan daripada 68.5 kepada 80.2 menunjukkan lonjakan lebih 11 mata dalam tempoh tujuh tahun, dengan skor kini menghampiri paras 80 yang mencerminkan tahap penggunaan teknologi yang semakin meluas dalam kalangan koperasi. Walau bagaimanapun, kedudukan ini juga menunjukkan bahawa koperasi telah memasuki fasa peralihan daripada penerimaan kepada pengaplikasian teknologi, di mana peningkatan seterusnya memerlukan penekanan kepada penggunaan yang lebih efektif dan bersepadu.




**Rajah 36:** Skor Domain Penggunaan Teknologi

## Min Item bagi Domain Penggunaan Teknologi

**Subdomain: Penerimaan Teknologi**

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 1 | Teknologi yang digunakan mempermudahkan urusan anggota dengan koperasi | 78.9 |
| 2 | Teknologi yang disediakan memberi manfaat kepada urusan harian | 79.0 |
| 3 | Berpuas hati dengan kualiti teknologi yang disediakan | 77.7 |
| 4 | Penggunaan teknologi oleh koperasi meningkatkan produktiviti dan perkhidmatan | 79.6 |
| 5 | Mengetahui aktiviti semasa koperasi melalui teknologi media dan komunikasi | 84.8 |

### Skor Tertinggi

Item tertinggi ialah Item 5 — mengetahui tentang aktiviti semasa koperasi melalui teknologi media dan komunikasi — dengan skor min 84.8. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan media digital untuk penyebaran maklumat koperasi telah berjaya menjadi saluran utama yang diterima dan dimanfaatkan oleh anggota. Platform seperti WhatsApp, Facebook, Telegram, dan e-mel terbukti berkesan dalam menghubungkan koperasi dengan anggotanya secara pantas dan meluas.

Namun, skor yang tinggi untuk item ini perlu ditafsirkan dengan hati-hati. Penerimaan maklumat secara pasif melalui media sosial adalah berbeza dengan penggunaan teknologi secara aktif untuk mengurus urusan kewangan, pinjaman, atau perkhidmatan koperasi. Anggota mungkin mengikuti berita koperasi melalui WhatsApp, tetapi tidak semestinya menggunakan aplikasi koperasi untuk membuat transaksi atau semakan akaun.

### Skor Terendah

Dua item mencatatkan skor yang sama dan paling rendah dalam subdomain ini, iaitu Item 3 — kepuasan terhadap kualiti teknologi yang disediakan (77.7) dan Item 10 — sistem teknologi yang sentiasa dikemas kini (77.7). Kedua-dua item ini berkaitan dengan kualiti teknikal dan kekinian sistem yang digunakan koperasi. Skor yang lebih rendah ini mencadangkan bahawa anggota menyedari adanya teknologi, menerima penggunaannya secara umum, namun tidak berpuas hati dengan kualiti dan tahap kekini teknologi yang ada.

Isu kualiti teknologi adalah isu yang berkait rapat dengan bajet dan keutamaan pelaburan koperasi. Koperasi yang lebih kecil mungkin menghadapi cabaran untuk mengemas kini sistem secara berkala disebabkan kekangan sumber. Walau bagaimanapun, dalam era digital yang pantas berubah, sistem yang lapuk atau tidak mesra pengguna boleh memberi persepsi negatif terhadap keseluruhan imej koperasi.

### Saranan

- Lakukan audit teknologi (*technology audit)* tahunan untuk menilai kualiti, keupayaan, dan kesesuaian sistem sedia ada dengan keperluan anggota semasa.
- Peruntukkan bajet khusus untuk naik taraf (*upgrade)* berkala sistem teknologi koperasi, terutamanya bagi sistem yang bersentuhan langsung dengan anggota.
- Kumpulkan maklumbalas pengguna secara sistematik melalui tinjauan kepuasan teknologi selepas setiap naik taraf untuk memastikan penambahbaikan benar-benar memenuhi keperluan.



**Subdomain: Aplikasi Teknologi**

| No. | Item | Skor Min |
|---|---|---|
| 6 | Boleh mendapatkan maklumat koperasi dengan mengakses laman web | 80.7 |
| 7 | Urusan dengan koperasi lebih efektif melalui penggunaan teknologi | 76.4 |
| 8 | Percaya penggunaan teknologi meningkatkan kecekapan koperasi | 82.7 |
| 9 | Koperasi menggunakan teknologi baharu (e-dagang, aplikasi mudah alih, automasi) | 85.3 |
| 10 | Sistem teknologi koperasi dikemas kini untuk meningkatkan keselamatan dan kecekapan | 77.7 |

## Skor Tertinggi

Item tertinggi ialah Item 9 — koperasi menggunakan teknologi baharu seperti e-dagang, aplikasi mudah alih, dan automasi — dengan skor min 85.3. Ini merupakan skor tertinggi dalam keseluruhan Domain Penggunaan Teknologi dan antara yang tertinggi dalam keseluruhan IndeKA 2025. Dapatan ini menggambarkan bahawa anggota mengakui dan menghargai inisiatif koperasi dalam mengadaptasi teknologi terkini. Pengiktirafan ini adalah modal yang berharga bagi koperasi untuk terus berinovasi dengan keyakinan bahawa anggota akan menyambut baik perubahan teknologi.

Item 8 — kepercayaan bahawa penggunaan teknologi meningkatkan kecekapan koperasi (82.7) turut mencerminkan sokongan anggota terhadap agenda digitalisasi koperasi secara umum. Ini menunjukkan bahawa anggota memiliki kesedaran dan sikap positif terhadap transformasi digital, yang merupakan prasyarat penting untuk kejayaan mana-mana inisiatif digital.

### Skor Terendah

Item paling rendah ialah Item 7 — urusan dengan koperasi menjadi lebih efektif melalui penggunaan teknologi — dengan skor min 76.4. Ini adalah skor terendah dalam keseluruhan Domain Penggunaan Teknologi dan antara yang paling rendah dalam keseluruhan kajian IndeKA 2025. Jurang antara skor Item 9 (85.3) dan Item 7 (76.4) — selisih hampir sembilan mata — adalah antara jurang terbesar dalam mana-mana subdomain kajian ini.

Jurang ini menggambarkan isu '*adoption gap*' yang kritikal: anggota tahu koperasi menggunakan teknologi baharu (85.3) dan percaya teknologi meningkatkan kecekapan koperasi (82.7), tetapi mereka sendiri tidak merasakan urusan mereka menjadi lebih efektif (76.4). Ini bermakna teknologi yang diimplementasikan mungkin lebih memudahkan operasi dalaman koperasi berbanding meningkatkan pengalaman anggota secara langsung.


Isu ini memerlukan perubahan paradigma dalam cara koperasi mendekati transformasi digital — daripada 'teknologi untuk koperasi' kepada 'teknologi untuk anggota'. Setiap inisiatif digital perlu dinilai dari perspektif: adakah ini menjadikan urusan anggota lebih mudah, lebih pantas, dan lebih menyenangkan?

### Saranan

- Semak semula aliran kerja digital (*digital workflow)* dalam setiap urusan anggota — dari permohonan pinjaman hinggalah semakan baki — dan kenal pasti titik-titik kerengsaan yang perlu diperbaiki.
- Laksanakan program latihan penggunaan teknologi koperasi secara hands-on, terutamanya bagi anggota yang lebih tua atau kurang celik digital.
- Tubuhkan helpdesk teknologi yang mudah diakses, responsif, dan berbilang saluran (telefon, chat, dan e-mel) bagi membantu anggota menyelesaikan isu teknikal dengan cepat.
- Kembangkan fungsi aplikasi mudah alih koperasi secara berperingkat, bermula dengan fungsi yang paling kerap digunakan anggota seperti semakan baki, penyata, dan pembayaran.

## Skor Domain Penggunaan Teknologi Mengikut Kluster

Perbezaan sekitar 2 hingga 3 mata antara koperasi besar (82.1) dan mikro (80.3) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi adalah relatif seragam merentas semua kluster. Walaupun koperasi besar mencatat skor lebih tinggi, jurang ini menunjukkan bahawa teknologi asas telah diterima secara meluas. Namun, kelebihan koperasi besar lebih tertumpu kepada keupayaan mengintegrasikan teknologi dalam operasi dan sistem pengurusan yang lebih kompleks.




**Rajah 37:** Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Kluster

## Skor Domain Penggunaan Teknologi Mengikut Status Pekerjaan

Perbezaan sekitar 2 hingga 3 mata antara kumpulan tertinggi seperti pekerja koperasi (81.0) dan penjawat awam (80.8) berbanding kumpulan tidak bekerja/pesara (78.2) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam koperasi adalah relatif konsisten merentas status pekerjaan. Walau bagaimanapun, perbezaan lebih ketara dapat dilihat pada indikator aplikasi teknologi, di mana kumpulan yang lebih aktif dalam operasi menunjukkan tahap penggunaan yang lebih tinggi berbanding sekadar penerimaan teknologi. Corak ini memberi isyarat bahawa cabaran utama bukan pada tahap penerimaan, tetapi pada sejauh mana teknologi digunakan secara praktikal dan berimpak dalam aktiviti koperasi.

| Status Pekerjaan | Penggunaan Teknologi (Domain) | Penerimaan Teknologi (Indikator) | Aplikasi (Indikator) |
|---|---|---|---|
| **Penjawat Awam** | Sangat Memuaskan **80.8** | Memuaskan **79.9** | Sangat Memuaskan **81.2** |
| **Pekerja Swasta** | Sangat Memuaskan **80.2** | Memuaskan **79.5** | Sangat Memuaskan **80.8** |
| **Bekerja Sendiri** | Memuaskan **79.1** | Memuaskan **78.3** | Memuaskan **79.9** |
| **Pekerja Koperasi** | Sangat Memuaskan **81.0** | Sangat Memuaskan **80.2** | Sangat Memuaskan **81.5** |
| **Suri Rumah** | Memuaskan **78.7** | Memuaskan **77.9** | Memuaskan **79.3** |
| **Pelajar** | Sangat Memuaskan **80.0** | Memuaskan **79.4** | Sangat Memuaskan **80.6** |
| **Tidak Bekerja/ pesara** | Memuaskan **78.2** | Memuaskan **77.5** | Memuaskan **78.9** |

**Rajah 38:** Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Status Pekerjaan

## Skor Domain Penggunaan Teknologi Mengikut Negeri

Variasi antara negeri adalah sederhana dengan jurang sekitar 9 mata antara Sabah dan Melaka (83.6) berbanding Sarawak (74.6), menunjukkan perbezaan ketara dalam tahap penggunaan teknologi merentas wilayah. Negeri yang mencatat skor melebihi 82 seperti Sabah, Melaka dan Kelantan (82.4) mencerminkan tahap penggunaan yang lebih aktif, manakala negeri yang berada di bawah 78 menunjukkan bahawa penggunaan teknologi masih belum dioptimumkan sepenuhnya, khususnya dari segi aplikasi dalam operasi koperasi.




**Rajah 39:** Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Negeri

## Skor Domain Penggunaan Teknologi Mengikut Tempoh Menjadi Anggota

Skor merentas tempoh keanggotaan menunjukkan variasi sederhana dalam julat sekitar 78.4 hingga 81.9, tanpa pola peningkatan yang konsisten mengikut tempoh. Kumpulan 16 hingga 20 tahun mencatat skor tertinggi (81.9), manakala kumpulan 11 hingga 15 tahun berada pada tahap lebih rendah (78.4), dengan jurang sekitar 3 hingga 4 mata. Corak ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi tidak berkembang secara linear dengan tempoh keanggotaan, sebaliknya dipengaruhi oleh tahap pendedahan dan kesediaan anggota untuk mengadaptasi teknologi.

| Tempoh Menjadi Anggota | Penggunaan Teknologi<br>Domain | Penerimaan Teknologi<br>Indikator | Aplikasi<br>Indikator |
|---|---|---|---|
| < 2 Tahun | Sangat Memuaskan<br>**80.4** | Memuaskan<br>**79.2** | Sangat Memuaskan<br>**81.1** |
| 2 – 5 Tahun | Sangat Memuaskan<br>**81.1** | Memuaskan<br>**79.9** | Sangat Memuaskan<br>**81.8** |
| 6 – 10 Tahun | Memuaskan<br>**79.0** | Memuaskan<br>**77.6** | Memuaskan<br>**79.9** |
| 11 – 15 Tahun | Memuaskan<br>**78.4** | Memuaskan<br>**77.5** | Memuaskan<br>**78.9** |
| 16 – 20 Tahun | Sangat Memuaskan<br>**81.9** | Sangat Memuaskan<br>**80.8** | Sangat Memuaskan<br>**82.5** |
| > 20 Tahun | Sangat Memuaskan<br>**80.1** | Memuaskan<br>**78.1** | Sangat Memuaskan<br>**81.2** |

**Rajah 40:** Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota

## Skor Domain Penggunaan Teknologi Mengikut Umur

Perbezaan skor merentas kumpulan umur adalah ketara dengan julat sekitar 76.7 hingga 81.5, menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dipengaruhi oleh faktor umur. Kumpulan 31 hingga 40 tahun mencatat skor tertinggi (81.5), manakala kumpulan 61 tahun ke atas mencatat skor terendah (76.7), dengan jurang hampir 5 mata. Dari segi indikator, jurang lebih ketara dapat dilihat dalam aspek penerimaan teknologi, menunjukkan bahawa kumpulan lebih berusia menghadapi cabaran dalam adaptasi berbanding kumpulan yang lebih muda.

| Umur | Penggunaan Teknologi<br>Domain | Penerimaan Teknologi<br>Indikator | Aplikasi<br>Indikator |
|---|---|---|---|
| 18 - 30 | Memuaskan **79.8** | Memuaskan **78.9** | Sangat Memuaskan **80.3** |
| 31 - 40 | Sangat Memuaskan **81.5** | Memuaskan **79.9** | Sangat Memuaskan **82.4** |
| 41 - 50 | Memuaskan **79.8** | Memuaskan **78.6** | Sangat Memuaskan **80.5** |
| 51 - 60 | Sangat Memuaskan **81.2** | Sangat Memuaskan **80.1** | Sangat Memuaskan **81.8** |
| 61 ke atas | Memuaskan **76.7** | Memuaskan **74.5** | Memuaskan **78.0** |

Rajah 41 : Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Umur

# Rumusan

Domain Penggunaan Teknologi mencatat skor sekitar 80.2, menunjukkan bahawa koperasi telah mencapai tahap penggunaan teknologi yang baik. Walau bagaimanapun, analisis menunjukkan bahawa walaupun tahap penerimaan teknologi adalah tinggi, tahap aplikasi masih belum sepenuhnya optimum. Variasi merentas umur, negeri dan status pekerjaan menunjukkan bahawa cabaran utama bukan lagi pada akses kepada teknologi, tetapi pada keupayaan untuk mengaplikasikannya secara efektif dalam operasi dan aktiviti koperasi. Justeru, fokus perlu diberikan kepada pengukuhan penggunaan teknologi secara praktikal dan berimpak, bukan sekadar penerimaan semata-mata.



IndeKA 2025

# KESIMPULAN DAN CADANGAN

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2025

# Kesimpulan dan Cadangan

Dapatan Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi (IndeKA) 2025 memberikan gambaran menyeluruh terhadap tahap kesejahteraan anggota koperasi merentas pelbagai dimensi utama. Secara umum, skor keseluruhan yang menghampiri paras 80 menunjukkan bahawa Sektor Koperasi telah mencapai tahap pembangunan yang memuaskan, khususnya dalam aspek sosial, tadbir urus dan pembangunan kendiri anggota.

Walau bagaimanapun, analisis yang lebih mendalam menunjukkan bahawa pencapaian ini tidak berlaku secara seimbang merentas semua domain. Walaupun beberapa domain telah mencapai tahap yang tinggi, domain ekonomi anggota masih menunjukkan pencapaian yang lebih rendah secara relatif. Keadaan ini memberi isyarat bahawa kekuatan koperasi pada masa ini lebih tertumpu kepada aspek organisasi dan sosial, berbanding keupayaan untuk menjana impak ekonomi yang signi ikan kepada anggota.

Sehubungan itu, dapatan IndeKA 2025 perlu ditafsir dalam konteks yang lebih strategik, khususnya dalam menyokong aspirasi Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) yang menekankan peranan koperasi sebagai pemangkin utama pembangunan sosioekonomi negara. Pendekatan ini membolehkan dapatan yang diperoleh bukan sahaja digunakan sebagai ukuran prestasi semasa, tetapi juga sebagai asas dalam merangka intervensi yang lebih bersasar, berimpak dan selaras dengan hala tuju pembangunan koperasi di peringkat nasional.

Dalam konteks ini, penekanan diberikan kepada penyelarasan antara isu utama yang dikenal pasti melalui IndeKA 2025 dengan cadangan intervensi strategik yang mengambil kira keperluan mengikut kluster koperasi serta keutamaan yang digariskan dalam DaKoM 2030. Pendekatan ini adalah penting bagi memastikan setiap intervensi yang dicadangkan bukan sahaja realistik dan boleh dilaksanakan, tetapi juga mampu menghasilkan impak yang signi ikan terhadap kesejahteraan ekonomi anggota secara menyeluruh.

## DOMAIN EKONOMI ANGGOTA

| Isu | Intervensi | Kluster | DAKOM |
|---|---|---|---|
| Skor rendah (75.5), impak ekonomi tidak optimum | Model penjanaan pendapatan anggota (income-based, bukan dividen semata) | Mikro → asas<br>Kecil → peluang tambahan<br>Sederhana → diversifikasi<br>Besar → scaling | Teras 4: Pemerkasaan ekonomi |
| Manfaat tidak inklusif | Program khas kumpulan rentan (B40, tidak bekerja, suri rumah) | Mikro & kecil | Teras 1: Inklusiviti |
| Model tradisional | Transformasi kepada *participation-based benefits* | Semua | Teras 4: Pemerkasaan Ekonomi |

## DOMAIN KEBERKESANAN PENGURUSAN

| Isu | Intervensi | Kluster | DAKOM |
|---|---|---|---|
| Tinggi (~80) tapi kurang impak | Mengurus berasaskan pendapatan (fokus hasil, bukan aktiviti) | Semua | Teras 3: Tadbir urus |
| Pelaksanaan tidak konsisten | Standard KPI & SOP | Kecil & sederhana | Teras 3: Tadbir urus |
| Jurang kapasiti | Latihan pengurusan strategik | Mikro & kecil | Teras 2: Modal insan |

## DOMAIN PEMBANGUNAN KENDIRI

| Isu | Intervensi | Kluster | DAKOM |
|---|---|---|---|
| Tinggi (81.7) tapi tidak progresif | Laluan pembelajaran anggota (*basic → advance*) | Semua | Teras 2: Modal insan |
| Tiada penglibatan yang berterusan | Strategi penglibatan sepanjang hayat | Semua | Teras 2: Modal insan |
| Kurang ilmu kemahiran | Latihan berasaskan kemahiran (praktikal) | Mikro & kecil | Teras 2: Modal insan |

## DOMAIN TADBIR URUS & KAWAL SELIA

| Isu | Intervensi | Kluster | DAKOM |
|---|---|---|---|
| Kepatuhan > hasil | Tadbir urus berasaskan hasil | Semua | Teras 3: Tadbir Urus |
| Ketelusan tidak konsisten | *Dashboard* & pelaporan terbuka | Sederhana & besar | Teras 3: Tadbir Urus |
| Trust berbeza | Libat urus anggota aktif | Semua | Teras 3: Tadbir Urus |

## DOMAIN HUBUNGAN SOSIAL

| Isu | Intervensi | Kluster | DAKOM |
|---|---|---|---|
| Hubungan kuat tetapi kurang kolaborasi | Program *co-creation* anggota | Semua | Teras 1: Inklusiviti |
| Penglibatan pasif | Aktiviti komuniti aktif | Mikro & kecil | Teras 1: Inklusiviti |
| Jaringan tidak menjana pendapatan | Integrasi sosial → ekonomi | Sederhana & besar | Teras 4: Pemerkasaan Ekonomi |

# Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penyelarasan dapatan IndeKA 2025 dengan Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) menunjukkan bahawa sektor koperasi Malaysia telah mencapai tahap kematangan yang baik dari segi struktur organisasi, tadbir urus dan pembangunan sosial anggota. Walau bagaimanapun, dapatan ini turut memperlihatkan bahawa impak ekonomi yang dirasai oleh anggota masih belum setara dengan tahap kemajuan dalam domain lain.

Jurang yang dikenal pasti merentas kluster koperasi, negeri dan status pekerjaan menunjukkan bahawa manfaat koperasi belum diagihkan secara menyeluruh dan inklusif. Selain itu, walaupun penggunaan teknologi dan pembangunan kendiri berada pada tahap tinggi, kedua-dua domain ini masih belum dimanfaatkan sepenuhnya sebagai pemacu kepada peningkatan kesejahteraan ekonomi anggota. Keadaan ini memberi isyarat bahawa cabaran utama sektor koperasi bukan lagi tertumpu kepada pembangunan asas, tetapi kepada pengoptimuman impak secara lebih strategik dan berfokus.

Sehubungan itu, pendekatan pembangunan koperasi perlu beralih daripada model berasaskan aktiviti kepada model berasaskan hasil (*outcome-based),* dengan penekanan kepada peningkatan pendapatan anggota, pengurangan jurang pencapaian serta pengukuhan keterangkuman. Pendekatan berasaskan kluster yang diketengahkan dalam jadual juga membolehkan pelaksanaan intervensi yang lebih bersasar dan selaras dengan keupayaan koperasi.

Selaras dengan aspirasi DaKoM 2030, dapatan dan cadangan yang dikemukakan ini menekankan keperluan untuk mentransformasikan koperasi daripada organisasi yang berfungsi dengan baik kepada entiti yang mampu memberikan impak ekonomi yang signifikan dan mampan kepada anggota. Justeru, keberkesanan pelaksanaan intervensi yang dicadangkan akan menjadi faktor utama dalam memastikan koperasi terus relevan sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi negara.



IndeKA
2025

# ANNEXTURE

**INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2025**

## Perbandingan Skor Mengikut Jantina

| SKOR INDIKATOR | Lelaki | Perempuan |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **75.55** | **74.45** |
| Faedah Kewangan | Memuaskan **75.5** | Memuaskan **74.1** |
| Pengurusan Ekonomi | Memuaskan **75.6** | Memuaskan **74.8** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **80.15** | **78.80** |
| Kompetensi Pengurusan | Sangat Memuaskan **80.8** | Sangat Memuaskan **80.2** |
| Kualiti Pengurusan | Memuaskan **79.5** | Memuaskan **77.4** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **81.37** | **77.67** |
| Ilmu Berkoperasi | Sangat Memuaskan **82.4** | Memuaskan **79.1** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **82.0** | Memuaskan **79.5** |
| Kemahiran | Memuaskan **79.7** | Memuaskan **74.4** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **81.47** | **79.50** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Sangat Memuaskan **80.8** | Memuaskan **77.1** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **81.7** | Sangat Memuaskan **80.0** |
| Ketelusan dan Integriti | Sangat Memuaskan **81.9** | Sangat Memuaskan **81.4** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **82.45** | **81.75** |
| Rangkaian Sosial | Sangat Memuaskan **82.3** | Sangat Memuaskan **81.1** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Sangat Memuaskan **82.6** | Sangat Memuaskan **82.4** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **80.10** | **79.75** |
| Penerimaan Teknologi | Memuaskan **79.1** | Memuaskan **78.5** |
| Aplikasi | Sangat Memuaskan **81.1** | Sangat Memuaskan **81.0** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Memuaskan **79.51** | Memuaskan **77.91** |

## Perbandingan Skor Mengikut Bangsa

| SKOR INDIKATOR | Melayu | Cina |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **74.50** | **76.70** |
| Faedah Kewangan | Memuaskan **74.4** | Memuaskan **76.8** |
| Pengurusan Ekonomi | Memuaskan **74.6** | Memuaskan **76.6** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **79.15** | **81.40** |
| Kompetensi Pengurusan | Memuaskan **79.9** | Sangat Memuaskan **81.8** |
| Kualiti Pengurusan | Memuaskan **78.4** | Sangat Memuaskan **81.0** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **81.43** | **81.20** |
| Ilmu Berkoperasi | Sangat Memuaskan **82.4** | Sangat Memuaskan **82.2** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **82.0** | Sangat Memuaskan **82.0** |
| Kemahiran | Memuaskan **79.9** | Memuaskan **79.4** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **80.80** | **82.23** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Sangat Memuaskan **80.1** | Sangat Memuaskan **81.5** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **81.0** | Sangat Memuaskan **82.5** |
| Ketelusan dan Integriti | Sangat Memuaskan **81.3** | Sangat Memuaskan **82.7** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **82.10** | **82.95** |
| Rangkaian Sosial | Sangat Memuaskan **81.9** | Sangat Memuaskan **82.7** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Sangat Memuaskan **82.3** | Sangat Memuaskan **83.2** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **79.40** | **80.50** |
| Penerimaan Teknologi | Memuaskan **78.2** | Memuaskan **79.5** |
| Aplikasi | Sangat Memuaskan **80.6** | Sangat Memuaskan **81.5** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Memuaskan **78.84** | Sangat Memuaskan **80.24** |

## Perbandingan Skor Mengikut Bangsa

| SKOR INDIKATOR | India | Bumiputera Sabah |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **69.00** | **81.70** |
| Faedah Kewangan | Sederhana **69.0** | Sangat Memuaskan **81.7** |
| Pengurusan Ekonomi | Sederhana **69.0** | Sangat Memuaskan **81.7** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **77.05** | **83.85** |
| Kompetensi Pengurusan | Memuaskan **74.5** | Sangat Memuaskan **84.3** |
| Kualiti Pengurusan | Memuaskan **79.6** | Sangat Memuaskan **83.4** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **78.57** | **83.73** |
| Ilmu Berkoperasi | Memuaskan **79.4** | Sangat Memuaskan **84.3** |
| Komitmen | Memuaskan **78.9** | Sangat Memuaskan **84.3** |
| Kemahiran | Memuaskan **77.4** | Sangat Memuaskan **82.6** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **77.50** | **86.57** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Memuaskan **76.3** | Sangat Memuaskan **85.9** |
| Pengawasan Pengurusan | Memuaskan **77.3** | Sangat Memuaskan **86.9** |
| Ketelusan dan Integriti | Memuaskan **78.9** | Sangat Memuaskan **86.9** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **79.45** | **86.30** |
| Rangkaian Sosial | Memuaskan **79.5** | Sangat Memuaskan **85.4** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Memuaskan **79.4** | Sangat Memuaskan **87.2** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **76.40** | **82.00** |
| Penerimaan Teknologi | Memuaskan **75.1** | Sangat Memuaskan **80.1** |
| Aplikasi | Memuaskan **77.7** | Sangat Memuaskan **83.9** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Memuaskan **75.35** | Sangat Memuaskan **83.66** |

## Perbandingan Skor Mengikut Bangsa

| SKOR INDIKATOR | Bumiputera Sarawak | Lain-lain |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **73.75** | **81.50** |
| Faedah Kewangan | Memuaskan **76.0** | Memuaskan **76.0** |
| Pengurusan Ekonomi | Memuaskan **71.5** | Memuaskan **77.6** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **77.35** | **84.60** |
| Kompetensi Pengurusan | Memuaskan **76.3** | Sangat Memuaskan **80.8** |
| Kualiti Pengurusan | Memuaskan **78.4** | Sangat Memuaskan **81.0** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **79.73** | **79.10** |
| Ilmu Berkoperasi | Memuaskan **78.3** | Sangat Memuaskan **82.3** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **82.4** | Sangat Memuaskan **82.0** |
| Kemahiran | Memuaskan **78.5** | Memuaskan **79.6** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **81.70** | **82.40** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Sangat Memuaskan **80.5** | Sangat Memuaskan **80.7** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **82.3** | Sangat Memuaskan **81.7** |
| Ketelusan dan Integriti | Sangat Memuaskan **82.3** | Sangat Memuaskan **81.7** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **81.20** | **80.50** |
| Rangkaian Sosial | Sangat Memuaskan **80.6** | Sangat Memuaskan **82.3** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Sangat Memuaskan **81.8** | Sangat Memuaskan **82.7** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **77.65** | **81.70** |
| Penerimaan Teknologi | Memuaskan **76.0** | Memuaskan **78.8** |
| Aplikasi | Memuaskan **79.3** | Sangat Memuaskan **81.0** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Memuaskan **77.79** | Sangat Memuaskan **81.70** |

## Perbandingan Skor Mengikut Tahap Pendidikan

| SKOR INDIKATOR | PHD/ DBA | Sarjana |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **69.35** | **78.10** |
| Faedah Kewangan | Sederhana **68.4** | Memuaskan **77.5** |
| Pengurusan Ekonomi | Memuaskan **70.3** | Memuaskan **78.7** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **68.90** | **81.85** |
| Kompetensi Pengurusan | Memuaskan **71.1** | Sangat Memuaskan **82.0** |
| Kualiti Pengurusan | Sederhana **66.7** | Sangat Memuaskan **81.7** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **81.60** | **84.47** |
| Ilmu Berkoperasi | Sangat Memuaskan **80.1** | Sangat Memuaskan **84.9** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **83.3** | Sangat Memuaskan **84.6** |
| Kemahiran | Sangat Memuaskan **81.4** | Sangat Memuaskan **83.9** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **73.10** | **84.47** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Memuaskan **72.2** | Sangat Memuaskan **82.6** |
| Pengawasan Pengurusan | Memuaskan **75.7** | Sangat Memuaskan **85.4** |
| Ketelusan dan Integriti | Memuaskan **71.4** | Sangat Memuaskan **85.4** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **77.95** | **83.65** |
| Rangkaian Sosial | Memuaskan **76.8** | Sangat Memuaskan **83.2** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Memuaskan **79.1** | Sangat Memuaskan **84.1** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **71.90** | **83.55** |
| Penerimaan Teknologi | Sederhana **69.7** | Sangat Memuaskan **82.7** |
| Aplikasi | Memuaskan **74.1** | Sangat Memuaskan **84.4** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Memuaskan **73.20** | Sangat Memuaskan **81.97** |

## Perbandingan Skor Mengikut Tahap Pendidikan

| SKOR INDIKATOR | Sarjana Muda | Diploma |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **74.60** | **76.95** |
| Faedah Kewangan | Memuaskan **74.8** | Memuaskan **77.0** |
| Pengurusan Ekonomi | Memuaskan **74.4** | Memuaskan **76.9** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **79.85** | **81.55** |
| Kompetensi Pengurusan | Sangat Memuaskan **80.8** | Sangat Memuaskan **82.0** |
| Kualiti Pengurusan | Memuaskan **78.9** | Sangat Memuaskan **81.1** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **80.80** | **82.57** |
| Ilmu Berkoperasi | Sangat Memuaskan **81.9** | Sangat Memuaskan **83.2** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **81.3** | Sangat Memuaskan **83.8** |
| Kemahiran | Memuaskan **79.2** | Sangat Memuaskan **80.7** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **81.03** | **83.13** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Sangat Memuaskan **80.7** | Sangat Memuaskan **82.4** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **80.9** | Sangat Memuaskan **83.3** |
| Ketelusan dan Integriti | Sangat Memuaskan **81.5** | Sangat Memuaskan **83.7** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **82.65** | **83.60** |
| Rangkaian Sosial | Sangat Memuaskan **82.5** | Sangat Memuaskan **83.3** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Sangat Memuaskan **82.8** | Sangat Memuaskan **83.9** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **79.30** | **81.40** |
| Penerimaan Teknologi | Memuaskan **78.0** | Sangat Memuaskan **80.6** |
| Aplikasi | Sangat Memuaskan **80.6** | Sangat Memuaskan **82.2** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Memuaskan **78.97** | Sangat Memuaskan **80.87** |

## Perbandingan Skor Mengikut Tahap Pendidikan

| SKOR INDIKATOR | STPM/STAM/Sijil/ Matrikulasi | SPM/SPMV |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **73.60** | **75.10** |
| Faedah Kewangan | Memuaskan **73.2** | Memuaskan **74.9** |
| Pengurusan Ekonomi | Memuaskan **74.0** | Memuaskan **75.3** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **79.90** | **78.85** |
| Kompetensi Pengurusan | Sangat Memuaskan **80.1** | Memuaskan **79.1** |
| Kualiti Pengurusan | Memuaskan **79.7** | Memuaskan **78.6** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **80.87** | **79.43** |
| Ilmu Berkoperasi | Sangat Memuaskan **82.3** | Sangat Memuaskan **80.7** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **81.2** | Sangat Memuaskan **80.3** |
| Kemahiran | Memuaskan **79.1** | Memuaskan **77.3** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **80.37** | **79.53** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Memuaskan **79.7** | Memuaskan **78.4** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **80.8** | Sangat Memuaskan **80.1** |
| Ketelusan dan Integriti | Sangat Memuaskan **80.6** | Sangat Memuaskan **80.1** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **81.90** | **80.60** |
| Rangkaian Sosial | Sangat Memuaskan **82.0** | Sangat Memuaskan **80.4** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Sangat Memuaskan **81.8** | Sangat Memuaskan **80.8** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **80.85** | **79.20** |
| Penerimaan Teknologi | Memuaskan **79.0** | Sangat Memuaskan **82.7** |
| Aplikasi | Sangat Memuaskan **80.5** | Memuaskan **79.2** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Memuaskan **78.70** | Memuaskan **78.23** |

## Perbandingan Skor Mengikut Tahap Pendidikan

| SKOR INDIKATOR | SRP/PMR/PT3 | Sekolah Rendah |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **85.15** | **75.10** |
| Faedah Kewangan | Sangat Memuaskan **86.3** | Memuaskan **78.2** |
| Pengurusan Ekonomi | Sangat Memuaskan **84.0** | Memuaskan **72.0** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **85.05** | **73.55** |
| Kompetensi Pengurusan | Sangat Memuaskan **84.5** | Memuaskan **72.4** |
| Kualiti Pengurusan | Sangat Memuaskan **85.6** | Memuaskan **74.7** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **83.70** | **73.43** |
| Ilmu Berkoperasi | Sangat Memuaskan **85.2** | Sangat Memuaskan **80.0** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **85.0** | Memuaskan **72.0** |
| Kemahiran | Sangat Memuaskan **80.9** | Sederhana **68.3** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **85.73** | **78.30** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Sangat Memuaskan **85.8** | Sangat Memuaskan **80.7** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **86.3** | Memuaskan **78.9** |
| Ketelusan dan Integriti | Sangat Memuaskan **85.1** | Memuaskan **75.3** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **85.35** | **77.35** |
| Rangkaian Sosial | Sangat Memuaskan **84.8** | Memuaskan **76.4** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Sangat Memuaskan **85.9** | Memuaskan **78.3** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **84.15** | **74.40** |
| Penerimaan Teknologi | Sangat Memuaskan **83.1** | Memuaskan **71.7** |
| Aplikasi | Sangat Memuaskan **85.2** | Memuaskan **77.1** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Sangat Memuaskan **84.86** | Memuaskan **75.07** |

## Perbandingan Skor Mengikut Tahap Pendidikan

| SKOR INDIKATOR | Tidak Bersekolah/ Lain-lain |
|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **75.50** |
| Faedah Kewangan | Memuaskan **75.5** |
| Pengurusan Ekonomi | Memuaskan **75.5** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **80.20** |
| Kompetensi Pengurusan | Sangat Memuaskan **80.8** |
| Kualiti Pengurusan | Memuaskan **79.6** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **81.30** |
| Ilmu Berkoperasi | Sangat Memuaskan **82.3** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **82.0** |
| Kemahiran | Memuaskan **79.6** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **81.43** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Sangat Memuaskan **80.7** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **81.7** |
| Ketelusan dan Integriti | Sangat Memuaskan **81.9** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **82.50** |
| Rangkaian Sosial | Sangat Memuaskan **82.3** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Sangat Memuaskan **82.7** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **79.90** |
| Penerimaan Teknologi | Memuaskan **78.8** |
| Aplikasi | Sangat Memuaskan **81.0** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Memuaskan **79.48** |

## Perbandingan Skor Mengikut Agama

| SKOR INDIKATOR | Islam | Buddha |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **75.65** | **77.40** |
| Faedah Kewangan | Memuaskan **75.6** | Memuaskan **77.3** |
| Pengurusan Ekonomi | Memuaskan **75.7** | Memuaskan **77.5** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **80.15** | **80.45** |
| Kompetensi Pengurusan | Sangat Memuaskan **80.8** | Sangat Memuaskan **81.3** |
| Kualiti Pengurusan | Memuaskan **79.5** | Memuaskan **79.6** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **81.40** | **79.50** |
| Ilmu Berkoperasi | Sangat Memuaskan **82.4** | Sangat Memuaskan **80.0** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **82.1** | Sangat Memuaskan **81.6** |
| Kemahiran | Memuaskan **79.7** | Memuaskan **76.9** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **81.60** | **80.47** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Sangat Memuaskan **80.9** | Memuaskan **79.6** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **81.9** | Sangat Memuaskan **80.4** |
| Ketelusan dan Integriti | Sangat Memuaskan **82.0** | Sangat Memuaskan **81.4** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **82.35** | **80.55** |
| Rangkaian Sosial | Sangat Memuaskan **82.4** | Sangat Memuaskan **80.2** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Sangat Memuaskan **82.3** | Sangat Memuaskan **80.9** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **80.10** | **77.15** |
| Penerimaan Teknologi | Memuaskan **79.0** | Memuaskan **76.1** |
| Aplikasi | Sangat Memuaskan **81.2** | Memuaskan **78.2** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Memuaskan **79.55** | Memuaskan **79.11** |

## Perbandingan Skor Mengikut Agama

| SKOR INDIKATOR | Hindu | Kristian |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **68.75** | **77.20** |
| Faedah Kewangan | Sederhana **68.9** | Sangat Memuaskan **80.0** |
| Pengurusan Ekonomi | Sederhana **68.6** | Memuaskan **74.4** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **77.00** | **83.65** |
| Kompetensi Pengurusan | Memuaskan **74.3** | Sangat Memuaskan **84.9** |
| Kualiti Pengurusan | Memuaskan **79.7** | Sangat Memuaskan **82.4** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **78.40** | **84.30** |
| Ilmu Berkoperasi | Memuaskan **79.3** | Sangat Memuaskan **83.7** |
| Komitmen | Memuaskan **78.9** | Sangat Memuaskan **86.2** |
| Kemahiran | Memuaskan **77.0** | Sangat Memuaskan **83.0** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **77.43** | **81.73** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Memuaskan **76.2** | Sangat Memuaskan **81.2** |
| Pengawasan Pengurusan | Memuaskan **77.2** | Sangat Memuaskan **81.0** |
| Ketelusan dan Integriti | Memuaskan **78.9** | Sangat Memuaskan **83.0** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **79.30** | **83.90** |
| Rangkaian Sosial | Memuaskan **79.5** | Sangat Memuaskan **83.5** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Memuaskan **79.1** | Sangat Memuaskan **84.3** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **76.50** | **75.90** |
| Penerimaan Teknologi | Memuaskan **75.2** | Memuaskan **75.4** |
| Aplikasi | Memuaskan **77.8** | Memuaskan **76.4** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Memuaskan **75.22** | Sangat Memuaskan **80.99** |

## Perbandingan Skor Mengikut Agama

| SKOR INDIKATOR | Lain-lain |
|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **81.50** |
| Faedah Kewangan | Memuaskan **77.0** |
| Pengurusan Ekonomi | Sangat Memuaskan **86.0** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **84.60** |
| Kompetensi Pengurusan | Sangat Memuaskan **87.9** |
| Kualiti Pengurusan | Sangat Memuaskan **81.3** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **79.10** |
| Ilmu Berkoperasi | Memuaskan **79.3** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **83.0** |
| Kemahiran | Memuaskan **75.0** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **82.40** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Sangat Memuaskan **83.3** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **85.0** |
| Ketelusan dan Integriti | Memuaskan **78.9** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **80.50** |
| Rangkaian Sosial | Sangat Memuaskan **81.0** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Sangat Memuaskan **80.0** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **81.70** |
| Penerimaan Teknologi | Sangat Memuaskan **81.3** |
| Aplikasi | Sangat Memuaskan **82.1** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Sangat Memuaskan **81.70** |

## Perbandingan Skor Mengikut Tempoh Menjadi Anggota

| SKOR INDIKATOR | < 2 Tahun | 2 - 5 Tahun |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **79.45** | **77.30** |
| Faedah Kewangan | Memuaskan **79.5** | Memuaskan **77.3** |
| Pengurusan Ekonomi | Memuaskan **79.4** | Memuaskan **77.3** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **83.30** | **80.50** |
| Kompetensi Pengurusan | Sangat Memuaskan **83.4** | Sangat Memuaskan **81.4** |
| Kualiti Pengurusan | Sangat Memuaskan **83.2** | Memuaskan **79.6** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **82.80** | **80.50** |
| Ilmu Berkoperasi | Sangat Memuaskan **83.3** | Sangat Memuaskan **80.8** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **83.2** | Sangat Memuaskan **82.1** |
| Kemahiran | Sangat Memuaskan **81.9** | Memuaskan **78.6** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **82.07** | **82.03** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Sangat Memuaskan **82.0** | Sangat Memuaskan **81.1** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **82.0** | Sangat Memuaskan **82.1** |
| Ketelusan dan Integriti | Sangat Memuaskan **82.2** | Sangat Memuaskan **82.9** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **83.25** | **83.25** |
| Rangkaian Sosial | Sangat Memuaskan **83.0** | Sangat Memuaskan **82.8** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Sangat Memuaskan **83.5** | Sangat Memuaskan **83.7** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **80.20** | **80.75** |
| Penerimaan Teknologi | Memuaskan **79.2** | Memuaskan **79.7** |
| Aplikasi | Sangat Memuaskan **81.2** | Sangat Memuaskan **81.8** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Sangat Memuaskan **81.67** | Sangat Memuaskan **80.14** |

## Perbandingan Skor Mengikut Tempoh Menjadi Anggota

| SKOR INDIKATOR | 6 - 10 Tahun | 11 - 15 Tahun |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **74.00** | **74.40** |
| Faedah Kewangan | Memuaskan **73.9** | Memuaskan **75.5** |
| Pengurusan Ekonomi | Memuaskan **74.1** | Memuaskan **73.3** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **79.05** | **79.45** |
| Kompetensi Pengurusan | Sangat Memuaskan **80.4** | Sangat Memuaskan **80.2** |
| Kualiti Pengurusan | Memuaskan **77.7** | Memuaskan **78.7** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **80.70** | **79.33** |
| Ilmu Berkoperasi | Sangat Memuaskan **81.6** | Sangat Memuaskan **81.3** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **81.5** | Memuaskan **79.9** |
| Kemahiran | Memuaskan **79.0** | Memuaskan **76.8** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **80.67** | **80.63** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Memuaskan **79.6** | Memuaskan **79.7** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **81.7** | Sangat Memuaskan **80.3** |
| Ketelusan dan Integriti | Sangat Memuaskan **80.7** | Sangat Memuaskan **81.9** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **81.75** | **80.60** |
| Rangkaian Sosial | Sangat Memuaskan **81.5** | Sangat Memuaskan **80.9** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Sangat Memuaskan **82.0** | Sangat Memuaskan **80.3** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **78.75** | **78.20** |
| Penerimaan Teknologi | Memuaskan **77.6** | Memuaskan **77.5** |
| Aplikasi | Memuaskan **79.9** | Memuaskan **78.9** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Memuaskan **78.42** | Memuaskan **78.17** |

## Perbandingan Skor Mengikut Tempoh Menjadi Anggota

| SKOR INDIKATOR | 16 – 20 Tahun | >20 Tahun |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **74.70** | **76.90** |
| Faedah Kewangan | Memuaskan **73.2** | Memuaskan **76.2** |
| Pengurusan Ekonomi | Memuaskan **79.5** | Memuaskan **74.3** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **81.65** | **79.10** |
| Kompetensi Pengurusan | Sangat Memuaskan **81.9** | Memuaskan **78.9** |
| Kualiti Pengurusan | Sangat Memuaskan **81.4** | Memuaskan **79.3** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **84.60** | **80.57** |
| Ilmu Berkoperasi | Sangat Memuaskan **85.5** | Sangat Memuaskan **81.8** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **84.6** | Sangat Memuaskan **81.2** |
| Kemahiran | Sangat Memuaskan **83.7** | Memuaskan **78.7** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **82.20** | **81.30** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Sangat Memuaskan **81.8** | Sangat Memuaskan **80.7** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **82.6** | Sangat Memuaskan **81.4** |
| Ketelusan dan Integriti | Sangat Memuaskan **82.2** | Sangat Memuaskan **81.8** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **84.60** | **81.50** |
| Rangkaian Sosial | Sangat Memuaskan **84.6** | Sangat Memuaskan **81.1** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Sangat Memuaskan **84.6** | Sangat Memuaskan **81.9** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **81.65** | **79.65** |
| Penerimaan Teknologi | Sangat Memuaskan **80.8** | Memuaskan **78.1** |
| Aplikasi | Sangat Memuaskan **82.5** | Sangat Memuaskan **81.2** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Sangat Memuaskan **80.66** | Memuaskan **79.36** |

## Perbandingan Skor Mengikut Umur Anggota

| SKOR INDIKATOR | 18 – 30 | 31 - 40 |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **78.45** | **77.00** |
| Faedah Kewangan | Memuaskan **79.5** | Memuaskan **77.7** |
| Pengurusan Ekonomi | Memuaskan **77.4** | Memuaskan **76.3** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **82.10** | **81.90** |
| Kompetensi Pengurusan | Sangat Memuaskan **82.3** | Sangat Memuaskan **82.5** |
| Kualiti Pengurusan | Sangat Memuaskan **81.9** | Sangat Memuaskan **81.3** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **81.23** | **81.00** |
| Ilmu Berkoperasi | Sangat Memuaskan **81.5** | Sangat Memuaskan **81.9** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **82.2** | Sangat Memuaskan **81.5** |
| Kemahiran | Sangat Memuaskan **80.0** | Memuaskan **79.6** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **80.17** | **83.07** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Memuaskan **79.7** | Sangat Memuaskan **81.9** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **80.6** | Sangat Memuaskan **82.9** |
| Ketelusan dan Integriti | Sangat Memuaskan **80.2** | Sangat Memuaskan **84.4** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **81.65** | **84.15** |
| Rangkaian Sosial | Memuaskan **79.9** | Sangat Memuaskan **84.1** |
| Kerjasama dalam Aktiviti Koperasi | Sangat Memuaskan **83.4** | Sangat Memuaskan **84.2** |
| **PENGGUNAAN TEKNOLOGI** | **79.60** | **81.20** |
| Penerimaan Teknologi | Memuaskan **78.9** | Memuaskan **79.9** |
| Aplikasi | Sangat Memuaskan **80.3** | Sangat Memuaskan **82.5** |
| **SKOR KESELURUHAN** | Sangat Memuaskan **80.39** | Sangat Memuaskan **80.71** |

## Perbandingan Skor Mengikut Umur Anggota

| SKOR INDIKATOR | 41 - 50 | 51 - 60 |
|---|---|---|
| **EKONOMI ANGGOTA** | **74.10** | **76.75** |
| Faedah Kewangan | Memuaskan **72.6** | Memuaskan **77.1** |
| Pengurusan Ekonomi | Memuaskan **75.6** | Memuaskan **76.4** |
| **KEBERKESANAN PENGURUSAN** | **79.00** | **80.60** |
| Kompetensi Pengurusan | Memuaskan **79.4** | Sangat Memuaskan **81.3** |
| Kualiti Pengurusan | Memuaskan **78.6** | Memuaskan **79.9** |
| **PEMBANGUNAN KENDIRI** | **80.57** | **82.30** |
| Ilmu Berkoperasi | Sangat Memuaskan **81.8** | Sangat Memuaskan **83.5** |
| Komitmen | Sangat Memuaskan **81.1** | Sangat Memuaskan **83.2** |
| Kemahiran | Memuaskan **78.8** | Sangat Memuaskan **80.2** |
| **KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS** | **80.10** | **82.57** |
| Kawal Selia dan Tadbir Urus | Memuaskan **79.4** | Sangat Memuaskan **81.6** |
| Pengawasan Pengurusan | Sangat Memuaskan **80.6** | Sangat Memuaskan **83.2** |
| Ketelusan dan Integriti | Sangat Memuaskan **80.3** | Sangat Memuaskan **82.9** |
| **HUBUNGAN SOSIAL** | **82.25** | **82.50** |
